KEWAJIPAN UMMAT ISLAM DALAM PILIHANRAYA

Oleh
K.H.M 'Isa Ansory
Editor
Ramli Awang

Terbitan Dewan Pustaka Fajar

DAFTAR KANDUNGAN

MUQADDIMAH:

(I)

Kami bersyukur kepada ALlah Subhanahu wa Ta'ala, kerana penjelasan kembali terhadap buku tulisan Muhammad Isa Ansory — salah seorang 'ulama' dan penulis yang tidak asing lagi ke pada masyarakat Islam Indonesia — telah selesai kami lakukan.

Sesungguhnya persoalan yang terkandung di dalam buku ini adalah persoalan yang hampir sama (kalau tidak seluruhnya) dengan apa yang dihadapi oleh ummat Islam di negara kita.

Meskipun buku ini mencapai 30,000 naskah lebih dengan dua kali diulang cetak, ternyata ummat Islam di Malaysia tidak terdedah secara langsung dengan isi kandungannya.

Berdasarkan kepada betapa nilainya isi kandungan yang di muatkan oleh pengarangnya, maka buku ini dirasakan perlu di ketengahkan kepada seluruh kaum Muslimin, dan kami merasa kan terpanggil untuk berbuat demikian.

(II)

Naskah asalnya memfokaskan seratus peratus kepada urmat Muslimin yang berada di sana, maka sudah tentu bilamana kita yang berada di sini terasa janggal bilamana membacanya, Sedangkan isi dan hakikatnya adalah sama. Untuk mengelakkan dan berlakunya kesamaran dalam maksud dan tujuan, maka ianya kami ubah-suaikan menurut cita-rasa tempatan. Perubahan perubahan yang kami lakukan adalah di tempat-tempat tertentu yang dirasakan perlu berbuat demikian; dengan tidak meningalkan maksud asalnya. Umpamanya dalam soal-soal yang menyentuh tentang tempat, tokoh dan rangkaian-rangkaian lain yang bersifat tempatan menurut penulis asalnya, ianya kami ubah-suaikan menurut suasana yang dialami oleh kaum Mush mm di Malaysia.

(III)

Dengan beradanya buku ini di tangan kaum Muslimin sekelian; meskipun dan kumpulan atau jama'ah mana mereka berada, akan terserlah kepada mereka jalan-jalan yang terang bagi menolak kabus kesamaran keengganan urituk berpihihanraya dalam rangka suasana pilihan yang diberi untuk menyatakan kebenaran Islam.

Semuga cakap-cakap dan ungkapan-ungkapan "mengundi adalah sistem jahihiyyah", "pilihanraya tidak ada dalam Islam", "pilihanraya tidak pernah dilakukan oleh Nabi SallaLlahu 'alaihi wa sallam", "pihihanraya tidak sunnah" dan sebagainya lagi... — yang lahir dan mereka yang tidak matang dalam perjuangan atau musuh yang secara tidak langsung untuk menghancurkan kesatuan kaum Muslimin akan padam.

Golongan yang "sapih" yang tidak mengerti realiti perjuangan, mereka tidak dinafikan lagi adalah merupakan unsur yang negatif kepada kepaduan ummat; di mana bilamana mereka mengambil sikap dan tindakan yang sedemikian bererti mereka membiarkan sahabatnya kaum Muslimin bersendiri menentang gejala kekufuran sedang beliau sendiri menyaksikannya dan jauh. Tidakkah mereka sedan bahawa dengan tindakan mereka yang sedemikian itu menyebabkan mereka telah secara langsung mendiamkan diri dan menyatakan kebenaran dan menentang kezaliman menerusi jalan yang diberikan pilihan kepada mereka. Sesungguhnya mereka diberi agar melalui jalan itu; kesempatan dan lorong terserlah di hadapan kita, kenapa kita masih berdiam diri?

Kami mengharapkan dengan saudara-saudari kaum Muslimin menatapi buku ini, di samping membuat pertimbangan yang saksama, akan tercetuslah hati kecilnya

untuk bersama-sama bersatu bagi menentang kekufuran dengan peluang yang di berikan kepada kita itu.

AkhirnYa tidaklah kami mengatakan bahawa buku ini sempuma segenap segi; pandangan dan teguran dan pelbagai pehak kami alu-alukan bagi manfa'at kita bersama untuk mencari kebajikan.

Editor:

Ramli Awang

Kg. jeram, Manir,

21200 K. Terengganu.

PENGANTAR CETAKAN KETIGA

Alhamdulillah!

Telah saya duga dan mula bahawa buku ini akan mendapat sambutan yang sangat luas. Pehak kawan menyambutnya dengan gembira. Pehak lawan mengutuki isinya dengan penuh cela dan cerca. Tidak ada satu keyakinan dan pendirian di dunia yang tidak mendapat tentangan dan perlawanan.

Terutama keyakinan yang ditegakkan dengan ketegasan dan kepastian Keyakinan dan pendirian yang kita tegakkan dengan segala ketegasan dan kepastian dalam buku ini, sungguh-sungguh telah mendapat tentangan dan perlawanan dan pehak lawan, pehak penentang.

Penulisnya diludahi dengan segala kata nista dan rendah oleh pehak lawan. Sebaliknya dan pehak kawan seperjuangan, urmat Islam, buku ini mendapat sambutan yang meriah, suka dan gembira.

Buku ini beredar terus dan tangan ke tangan, menjadi pedoman para kader, muballighin dan muballighat Islam.

Cetakan pertama (Terbitan Yayasan Jaya Bandung), berjumlah lima ribu naskah habis terjual dalam tempoh tiga bulan.

Terjemahan dalam bahasa Sunda dengan 'oplay' sebanyak sepuluh ribu naskah yang diterbitkan oleh Dewan Penerangan Masyumi Wilayah Jawi Barat — telah habis dalam beberapa bulan.

Cetakan kedua (Penerbit Hasan Aidid Surabaya) sejumlah sepuluh ribu naskah — dalam waktu beberapa bulan sahaja telah terjual habis.

Terjemahan dalam bahasa Jawa yang diterbitkan oleh Pustaka Progresiff Surabaya, sejumlah lima ribu naskah telah habis di jual.

Sewaktu saya mengadakan "OPERASI IDEOLOGI" di Sumatera Timur pada pertengahan bulan Oktober 1954, ternyata di b berapa tempat yang saya kunjungi buku ini belum tersiar luas.

Untuk memenuhi hajat dan hasrat umat Islam terutama di Sumatera, maka permintaan dan Pemimpin Toko Buku "ISLAMIYYAH" untuk mencetak kembali buku ini, saya setujui sepenuhnya.

Dalam penerbitan cetakan ketiga ini tidak ada perubahan atau tambahan yang saya lakukan.

"Fatwa-fatwa" sesat dan menyesatkan dan golongan tertentu seperti... "JANGANLAH PILIHANRAYA UMUM DIJADIKAN SASARAN PERJUANGAN" dan sebagainya sengaja tidak saya layani di sini, kerana saya yakin pasti umat Islam tidak akan terpengaruh olehnya.

Dalam "Rapat Umum" di seluruh Indonesia yang saya kunjungi, "fatwa" sesat itu telah saya jawab di kesempatan tersebut.

Para Pemimpin yang kita ta'ati seperti Muhammad Nasir, Mr.Kasman Singodimedjo, Dusky Samad Pahlawan Islam di Sumatera Tengah dan lain-lain cukup memberikan sumbangan dan pedoman perjuangan bagi kita.

Dalam melakukan kempen Pilihanraya Umum yang kita hadapi kini, saya serukan kepada segenap 'ulama' dan zu'ama', muballigh dan muballighat agar memberikan ketegasan dan ke pastian kepada ummat Islam.

Buku ini dapat dijadikan suluh-pedoman untuk itu.

Insya' ALlah kita pasti menang.

Maju ke depan, jangan mundur ke belakang!

Muhammad isa Ansory.

23 Oktober 1954.

KATA PENGANTAR:

Jihad Asghor (jihad kecil), berperang mengusir kaum penjaiah telah kita lalui.

Di muka kita terbentang jalan dan lapangan periuangan besar, yang wajib kita hadapi dengan segenap kesungguhan hati, membangun negara ini dengan cita dan idaman kita, sesuai dengan tuntutan iman dan taubid kita, menurut qudrat dan iradat hidup kita.

Jihad Akbar (jihad besar) itu akan bermüla dan berpangkal pa da sa'at Pilihanraya Umum dilaksanakan dalam negara kita, yang waktunya tidak lama lagi.

Sa'at besar itu akan datang, dan pasti iaakan menjadi ujian ke hidupan tinggi bagi kita.

Ummat Islam, ummat Muhammad SallaLlahu 'alaihi wa sallam, Ummat Tauhid, pemangku amanah ALlah, pembawa risalah suci ke alam dunia, wajib menggunakan sa'at dan kesempatan sejarah ini dengan penuh kewaspadaan dan kesungguhan.

Sa'at besar itu akan meletakkan sendi-dasar kehidupan masyarakat dan negara kita berabad-abad, sebagai pusaka peninggalan generasi kita kepada anak cucu keturunan kita, angkatan demi angkatan.

Terang zaman yang akan datang, bergantung sepenuhnya kepada kesungguhan perjuangan, pengorbanan kita hari ini, memenangkan cita dan idea yang kita terima sebagai amanah luhur dan RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi wa sallam.

Suram dan pudarnya cahaya kehidupan ummat kita di hari kemudian, tenggelam atau timbulnya sendi dasar yang kita jadikan pegangan dalam hidup, adalah pengkhianatan besar yang kita lakukan hari ini kerana tiada kesungguhan, kewaspadaan, ketelitian dan kesaksamaan, sewaktu kita menghadapi suruhan hidup dan panggilan sejarah.

Loceng sejarah itu berbunyi nyaning memanggil kita, suara muazzin di puncak menara tinggi mengazani (memanggil) kita "merebut menang".

Dengarlah seriian itu, dan berkemaslah!

Bersiaplah, sediakanlah kelengkapan dan bekalan menempuh JIHAD AKBAR itu, dan berangkatlah ke sana bersama-sama!

Kaum Muslimin, ummatan wahidah, ummat kesatuan, umat tauhid, umat persaudaraan, majulah ke depan, memperjuangkan risalah dan amanat yang kamu terima dan Tuhan dan Rasulmu!

Buku kecil ini berusaha memberikan gambaran dan lukisan betapa pentingnya kejadian sejarah (Pilihanraya Umum itu), apa dan bagaimana seharusnya yang kita perbuat. Semuga ia dapat dijadikan pegangan dan pedoman bagi setiap mujahid Islam seluruhnya, terutama para muballigh yang setiap sa'at bergelimang di tengah-tengah masyarakat rakyat jelata, yang menjadi faktor berkuasa dan meneritukan kemenangan akhir kita.

Kepada ALlah saya harapkan taufiq dan hidayah, kepada Nya saya kembalikan segala puji.

Muhammad isa Ansory.

Bandung: 17 Februari 1953.

1. MEREBUT KEMENANGAN:*

* **Naskah** asal buku ini bertajuk Uramat Islam menghadapi Pemilihan Umum, oleh M. isa Anshary — cetakan ketiganya diterbitkan oleh Firma lslamiyah, Medan. —Editor.

Telah duapuluh lapan tahun lebih kita merdeka, memiliki negara sendiri, yang kita katakan berdaulat ke luar dan ke dalam,

Dalam waktu selama itu, kita belum dapat menciptakan suatu perbuatan yang asasi, merubah bentuk dan susunan serta isi dan kehidupan masyarakat kita.

Kabinet jatuh dan berdiri, terumbang ambing oleh pergerakan arus dalam Dewan Perwakilan Rakyat (Parlimen) yang tidak mencerminkan aliran yang hidup dalarn masyarakat Malaysia, tidak mewakili pandangan rarnai, kerana datangnya ke sana bukan kerana pilihan, tetapi angkatan.

Umat Islam yang diakui golongan terbesar dan masyarakat MaIaysia dalarn Parlimen yang sekarang adalah golongan minoriti (golongan kecil).

Tidaklah hairan, dalam perjalanan Parlimen yang sekarang ini, umat Islam yang memperjuangka ‘aqidah Islam tidak rnungkin mengemukakan atau memperjuangkan soal-soal yang pninsip dan dasar, kerana selalu kalah suara. Dikalahkanl oleh golongan besar, golongan yang tidak rnewakili ‘aqidab Islam, walaupun mereka mengaku sebagai umat Islam.

Dewan Perwakilan Rakyat (Parlmen) yang demikian itu adalah sifatnya sementara.

Faham Kedaulatan Rakyat, belum pernah dilaksanakan, rakyat berdaulat, belum pernah ditanya dan diminta suaranya, siapa yang dipercayainya sebagai wakilnya dalam dewan-dewan perwakilan rakyat.

Undang-undang Dasar Negara pun sifatnya sementara.

Undang-undang Dasar yang (ada) sekarang, bukanlah hasil dan pekerjaan tangan dan fikiran para wakil yang dipilih oleh rakyat.

Rukun Negara yang dipuja oleh segolongan kecil dari ma syarakat Malaysia, bukanlah wujud (dengan) kehendak rakyat banyak, kerana pengertiannya kabur dan samar.

Tidak ada penjelasan dan penafsirannya.

Dan tidak akan ada penjelasan dan penafsirannya, sebelum pilihanraya umum dilaksanakan.

Oleh kerananya, negara kita berdiri di atas dasar yang goyah dan goyang. Tidak tegak di atas dasar dan sendi yang teguh dan tegap.

Undang-undang Dasar atau Rukun Negara yang oleh beberapa orang dianggap sebagai falsafah negara, tidak mungkin memberi kepuasan kepada rakyat banyak, kerana isinya tidak tegas.

Ambillah (sebagai contoh) rukun yang pertama, Kepercayaan Kepada Tuhan.

Setiap kepala manusia Malaysia mempunyai tafsiran sendiri tentang Kepercayaan Kepada Tuhan itu.

Kenyataan sehari-hari menunjukkan, bahawa pengertian Kepercayaan Kepada Tuhan dalam Negara Malaysia, hanyalah sekadar semboyan, bahkan menjadi ubat bius penidur-nyenyakan kaum Muslimin. Kepercayaan Kepada Tuhan tidak digunakan untuk amar ma’ruf dan nahi munkar.

Kepercayaan Kepada Tuhan tidak digunakan untuk menegakkan yang ma'ruf dan memerangi yang munkar.

Kepercayaan Kepada Tuhan tidak diwujudkan (bagi) melakukan hukum dan syari'at Islam.

Kepercayaan Kepada Tuhan tidak digunakan (bagi) menegakkan tauhid, menghancurkan syirik.

Kepercayaan Kepada Tuhan tidak digunakan sebagai tempat bertahkim, mengembalikan segala urusan, setiap sengketa perselisihan.

Begitu juga dengan rukun-rukun yang lain, Kedaulatan undang-undang, Keluhuran Perlembagaan, Kesopanan dan Kesusilaanl, apatah lagi Keta'atan Kepada Raja dan Negaca.

Bagaimanakah faham Kedaulatan Undang-undang? Apakah pula falsafah Kesopanan dan Kesusilaan?

Apakah dengan menghilangkan hak perseorangan?

Suara rakyat belurn pernah didengar menjawab pertanyaan di atas. Apa dan bagaimana perlaksanaan faham Kedaulatan Undang-undang. Apakah rakyat yang rnelanggar undang-undang, maka mereka dianggap bersalah, pegawai dan pemerintah yang mencabul dan rnenodai undang lantas mereka itu tidak salah?

Apa dan bagaimanakah perlaksanaan faham kedaulatan rakyat (demokrasi)?

Apakah benar suara rakyat adalah suara Tuhan?

Apakah betul segala kebenaran itu ukurannya adalah suara terbanyak, setengah tambah satu?

Seperti demokrasi Barat?

Ataukah seperti Eropah Tirnur yang terkenal dengan demokrasi sentralisma (pemusatan)?

Ataukah memang begitu faham dan falsafah demokrasi dalam Islam, dan apakah dalam Islam ada demokrasi?, sepertimana yang didokong oleh juhala' kini?

Halal dan haram menurut suara terbanyak, separuh ditambah satu?

Kalau begitu, tentunya faham demokrasi yang ada sekarang ini, adalah faham separuh ditambah satu. Selama mana pungutan suara rakyat sebagai perlaksanaanl kepada kedaulatan rakyat, faham seumpama itu tidak mungkin berubah, meskipun bertentangan dengan hukum dan hudud Islam.

Begitu juga dengan orang-orang yang duduk mengemudikan negara, baik Presiden, atau Para Menteri.

Mereka itu belumlah menggambarkan hasil dan pilihan ra kyat, tidak semestinya orang kepercayaan rakyat. Orang yang di percaya Iman dan Islamnya, 'aqidah dan keikhlasannya, sebagai orang yang diserahi mengendalikan pemerintahan. Dan kedud kan Perdana Menteri sendiri, apakah benar hanya sebagai lambang, atau simbol yang tidak boleh diganggu gugat?, lantas tidak boleh diminta pertanggungjawabnya di muka Dewan Perwakilan Rakyat seperti sekarang?

Segala persoalan di atas, tidak mungkin dipecahkan oleb parlimen yang ada sekarang, atau dicari jawapannya dalam undang-undang dasar yang ada sekarang.

Baik parlimen atau pun perlembagaan yang ada sekarang, ianya adalah bersifat sementara, sekali-kali tidak menggambarkan kehendak dan keinginan rakyat, kerana perlembagaan itu adalah ciptaan penjajah, bukannya ummat Islam.

Maka pilihanraya umum yang akan datang, akan menghentikan segala sifat sementara itu, Insya' ALlah.

Pilihanraya untuk perlembagaan, majlis pembuat undang-undang dasar negara yang tetap, perlembagaan yang dikehendaki oleh ummat dan rakyat Islam, yang diharapkan-harapkan oleh manusia seluruhnya. Di dalamnya tergambar dengan tegas dan jelas akan cita dan harapan seluruh rakyat, pikiran dan pandangan masyarakat seluruhnya.

Perlembagaan dan undang-undang negara yang akan menjadi sumber atau pokok kepada perundangan negara di zaman yang mendatang.

Perlembagaan atau undang-undang dasar baru yang tetap di atas 'aqidah, di mana jelas dikatakan hukum atau peraturan apa yang akan dipakai dan dilaksanakan dalam negara Malaysia masa hadapan.

Perlembagaan baru yang akan menjadi pegangan dan pedoman, bukan sahaja bagi angkatan kita sekarang, tetapi juga anak cucu keturunan kita berabad-abad yang akan datang, generasi demi generasi.

Selain untuk perlembagaan, majlis pembuat undang-undang dasar, pilihanraya ditujukan untuk memilih para anggota parlimen atau pun dewan perwakilan rakyat.

Dewan Perwakilan Rakyat (parlimen) sebagai Dewan Peng gubalan Undang-undang dan dasar negara (Dewan Legislatif) yang akan membuat segala undang-undang negara, mengendalikan pekerjaan pemerintah, Dewan Eksekutjf (Pentadbiran).

Dewan Perwakilan Rakyat yang sungguh-sungguh menggambarkan aliran yang hidup dalam masyarakat.

Parlimen yang betul-betul menjadi perwakilan rakyat, yang dipilih oleh rakyat, yang dipercayai oleh rakyat — **ahlul halli wal 'aqdi**, orang yang berhak menentukan, mengatur dan menetapkan.

Maka sungguhlah pilihanraya umum akan datang, akan mempengaruhi perjalanan sejarah negara dan kehidupan umat bangsa kita zaman yang akan datang.

Akan menentukan timbul atau tersggelamnya agama Islam masa yang akan datang.

Akan menentukan tegak atau rebahnya ummat Islam masa yang akan datang. Pilihanraya umum akari menjawab dengan ba hasanya yang tersendiri, keyakinan dan kepercayaan apa sebenarnya yang hidup di dalam masyarakat kita.

Falsafah dan pandangan hidup apa yang sebenarnya berurat dan berakar dalam masyarakat kita.

Warna apa yang sebenarnya menjadi corak dan corainya jiwa masyarakat kita.

Apa "**hijau**" atau "**merah**"?

Setengah hijau atau setengah merah?

Kepercayaan apakah sebenarnya yang didokong oleh rakyat terbesar dan golongan terbesar dan rnasyarakat ummat Islam Malaysia?

Apakah ideologi hijau atau ideologi merah atau ideologi belang?

Apakah ideologi komunis ataukah snsialis?

Apakah nasionalisma ataukah islam?

Apakah demokrasi ala British ataukah berparlimen?

Segala pertanyaan di atas akan dijawab oleh rakyat pada waktu pilihanraya umum yang akan dating ini.

Pertanyaan itu perlu dijawab, kala Malaysia ingin merempuh kemajuan dalam ertikata yang sebenarnya.

Kemajuan dalam ertikata hidup dan kehidupan.

“Maju” ke kanan atau ke kiri!

“Maju” tidak ke kanan tidak ke kiri, tapi lurus ke muka.

Maju ke muka memberikan tafsir atas Rukun Negara, agar tidak kabunr atau sarnar sepenti sekarang.

Maju ke hadapan memberi “isi” yang sungguh-sungguh dan ucapan kehidupan manusia Malaysia.

Pendeknya pilihanraya umum akan bentanya kepada saudara, dasar apa, hukum apa, peratunan apa yang saudara inginkan berlaku dalam negara Malaysia ini.

Apakah hukum ‘aqal dan fikiran semata-mata, ataukah hukum Allah?

Apakah dasar Islam, ataukah **ghairul Islam**.

Ghairul Islam (bukan Islam), ia boleh bercorak komunis atau nasionalis (kebangsaan).

Dan boleh berconak apa sahaja dengan berbagai-bagai istilah serta kata. Semuanya itu ghairul Islam, semuanya itu bukan Islam

Semuanya itu ciptaan fikiran, buatan ‘aqal manusia semata mata.

Semuanya itu menolak hukum ALlah, menolak hukum Islam.

Semuanya itu anti hukum ALlah, anti dasar Islam.

Semuanya itu tiada mengakui ada dan perlunya jambatan antana dunia dan akhirat.

Semuanya itu tiada mengakui ada dan perlunya kesatuan antara bumi dan langit.

Semuanya itu tiada mengakui ada dan perlunya keseimbangan antara jasmani dan ruhani.

Semuanya itu tiada mengakui ada dan perlunya keseimbangan antara lahir dan batin.

Semuanya itu memecah kehidupan kemanusiaan dalam dua belahan yang terpisah.

Belah, pecah dan terpisahnya antara dunia dan akhirat.

Belah, pecah dan terpisahnya antara bumi dan langit.

Belah, pecah dan terpisahnya antara jasmani dan ruhani.

Belah, pecah dan terpisahnya antara agama dan negara.

Belah, pecah dan terpisahnya antara Islam dan politik.

Belah, pecah dan terpisahnya antana hukum Ilahi dan hidup masyanakat.

Pendeknya, semuanya itu hendak memisahkan Islam dari negara dan masyarakat.

Hendak memisahkan atau menolak hukum ALlah dari ikut serta mengatur negara dan masyarakat.

Semuanya itu anti dan menolak Malaysia ini dari menjadi Negara yang berdasarkan kepada Hukum ALlah.

Faham dan keyakinan tersebut telah dan sedang mereka penjuang dan pertahankan samada dengan tulisan, lisan (perkataan), perbuatan dan juga dengan menggertak, mengejek, mengan cam dan menghentam, bahkan membunuh.

Di tengah-tengah ummat Islam yang "fanatik" dan berkeyakinan teguh, mereka berani menolak dan mengatakan dasar sekular dijadikan dasar negara.

Di tengah-tengah masyarakat kaum Muslimin yang "fanatik" dan berkeyakinan, meneka tidak segan-segan dan malu mengatakan tidak bensetuju kepada cita-cita hendak menjadikan Malaysia sebagai Negana Islam.

"Kebencian yang hebat telan lahir dan mulut mereka, dan apa yang tersirnpan dalam hati mereka lebih besar lagi."

(Surah Ali-'Irnram: Ayat 118)

Begitulah peringatan ALlah Subhanahu wa Ta'ala, di dalam al-Qur'an.

Apa yang tersimpan di dalam hati meneka itu lebih besar lagi dan apa yang sudah mereka katakan itu!

Memang tidak semua perasaan benci dan anti itu mereka hamburkan dengan kata-kata, lisan dan tulisan. Tidakkah saudara-suadara kaum Muslimin mendengar majlis-majlis yang di adakan oleh parti yang tidak berdasarkan kepada Islam? Betapa tangkasnya mereka bercakap di hadapan orang ramai mengejek penegak-penegak dan pejuang-pejuang yang menegakkan hukum ALlah, mengejek orang-orang yang berpolitik berdasarkan

kepada Islam, mengejek umat Islam yang memperjuangkan 'aqidah Islam?

Saudara telah mendengar dan telah menyaksikannya. Mendengar dan menyaksikan orang dengan mulut-mulut mereka hendak meruntuhkan Iman dan Tauhid umat Islam. Hendak meruntuhkan keyakinan dan aqidah kaum muslimin.

Hendak memadamkan cahaya Ilahi dan bumi Malaysia ini. Dan mengekalkan sistem kufur laknatuLlah! Hendak mematah, meremuk-redamkan sendi kekuatan perjuangan umat Islam.

Semua itu telah kita dengar dan mulut dan kata perbuatan mereka.

Dan setiap kata berjawab, setiap gayung bersambut.

Kata telah kita jawab, gayungnya telah kita sambut.

Usaha hendak menindas Islam tidak terhenti sampai di situ.

Tidak cukup dengan lisan dan tulisan semata-mata.

Mereka sentiasa merencanakan, membuat jangka maksud hendak melumpuhkan potensi ummat Islam, mematahkan segenap persediaan dan kekuatan ummat Islam.

Mereka datang ke dalam masyarakat kaum Mushimin, ikut serta memperbaiki, membina masjid dan madrasah (surau), meramaikan tabligh dan da'wah.

Mereka hendak merebut hati dan simpati kaum Mushimin.

Mereka menanam "budi kebajikan" kepada kaum Mushimin.

Mereka menghamburkan harta-kekayaan kepada kaum Mushimin, memberikan bantuan (subsidi), memberikan sumber hidup dan kemakmuran kepada kaum Muslimin.

Mereka menarik dan memikat kaum Mushimin dengan keuntungan duniawi yang dekat, laba dan keuntungan, pangkat dan kedudukan, jabatan dan jawatan.

Tidak kurang pula mereka menempuh jalan kasar dan biadab.

Menculik dan membunuh 'ulama' dan zu'ama' Islam. Menghamburkan fitnah dan tuduhan, bahawa pemimpin Islam penjenayah, komunis dan sebagainya.

Menuduh betapa ruginya, kaum Muslimin berpolitik sendiri — menyebabkan pesantren (sekolah pondok) dan madrasah terlantar, da'wah dan taligh agama menjadi sepi, masjid dan surau menjadi legang dan sebagainya.

Mereka menyeru dan mengajak kepada apa yang dinamakan persatuan nasional, bersatu di atas dasar kebangsaan, tapi isinya meruntuhkan persatuan dan potensi ummat Islam.

Pendeknya segala jalan, segala kesempatan, segala kemungkinan mereka tempuh; mereka gunakan untuk memukul dan menghancurkan potensi ummat Islam, memecah dan mencerai beraikan jama'ah kaurn Muslimin, merusak-binasakan ukhuwwah kaum Muslimin.

Jama'ah dan ukhuwwah Islamiyyah yang mengatasi dan mengalahkan ikatan parti dan organisasi buatan fikiran, hasil ijtihad dan perhitungan.

Jama'ah dan ukhuwwah yang dipersambung dan diperhubung-hubungkan oleh tali ghaib dan 'ajaib, tali Tauhid, tali s Iman dan se'aqidah.

Itulah usaha lawan-lawan serta musuh-musuh Islam untuk menghancurkan nur Ilahi.

Itulah usaha dan rencana musuh 'aqidah Islam, golongan yang anti dan benci berlakunya hukum-hukum ALlah dalam negara. Mereka membuat rencana, ALlah pun membuat rencana:

> *"Dan ketika orang-orang kafir itu menibuat rencana terhadap kamu, hendak menangkap kamu, membunuh binasakan kamu, mengusir kamu supaya jangan menyebarkan Islam); mereka membuat rencana, ALlah pun membuat rencana, dan ALlahlah pembuat rencana yang paling utama."*
>
> (Surah Al-Anfal: Ayat 30)

Sesungguhnya rencana ALlah adalah seutama-utama rencana.

Masing-masing golongan dengan keyakinan dan pendiriannya berusaha dan berencana merebut kemenangan, mencari pengikut dan penyokong sebanyak mungkin dalam masyarakat, dengan segala daya dan ikhtiar.

Melumpuhkan kekuatan Islam dengan segala cara dan usaha.

"Menawarkan" pendirian, keyakinan dan 'aqidahnya, dengan segala bujukan dan tipu muslihat.

Pendirian menentang pendirian.

Keyakinan melawan keyakinan.

Perjuangan melawan perjuangan.

Di tengah-tengah keadaan yang sedemikian itu, kepada golongan yang sedemikian itu, tiadalah yang layak menjadi pendirian kaum Muslimin selain dari yang telah dikatakan oleh al Qur'an dalarn surah al-An'am ayat 135:

> *"Katakan olehmu wahai bangsaku!, bekerjalah kamu menurut pendirianmu, aku pun bekerja menurut pendirianku; kelak akan diketahui siapa yang akan menang pada akhirnya, sungguh! tidak akan mendapat kemenangan orang-orang yang zalim."*
>
> (Surah al-An'am: Ayat 135)

Kemenangan perjuangan tidak cukup hanya dengan menjawab kata, menyambut gayung semata-mata. Kemenangan perjuangan adalah dengan rencana dan usaha; pengorbanan dan kesungguhan; siasat, taktik dan strategi; susunan dan pembentukan, dengan kekuatan dan organisasi yang teguh-jitu.

Kemenangan tidak mungkin ditebus dengan air ludah, tetapi dengan memerah tenaga, daya dan fikiran, harta dan kekayaan, melengkapkan segala syarat dan alat, memenuhi segala pesan dan suruhan, patuh dan tunduk kepada titah perintah ALlah Subhanahu wa Ta'ala.

Di tengah-tengah sorak sorai yang riuh-gemuruh seperti sekarang ini; di tengah-tengah badai dan gelombang fitnah dan ujian; di sa'at kita umat Islam seluruhnya sedang menghadapi bahaya dan bencana, ujian dan cubaan, maka wajiblah kaum Muslimin merapatkan barisan, memperbaiki hubungan persaudaraan, memelihara ukhuwwah dan jama'ah.

Ukhuwwah yang bersendikan **mahabbah**.

Jama'ah yang berdasarkan **marhamah**.

Sudah tiba sa'atnya ummat Islam (terutama pemimpinnya), memberikan pimpinan dan bimbingan kepada ummat yang di bawah, memberi penjelasan siapakah kawan dan siapa lawan. Siapa kawan yang diajak serta mengerjakan usaha besar ini, memenangkan Kalimah ALlah di muka bumi. Siapa lawan yang wa jib ditentang, selaras dengan ajaran ALlah dan RasulNya.

Sudah tiba sa'atnya ummat Islam diberi contoh teladan hidup persaudaraan dalam agama. Kesampingkan soal-soal yang mungkin meretakkan persaudaraan dan persatuan. Letakkan di hadapan kita, bahawa kepentingan Agama ALlah melebihi segala kepentingan. Susun barisan kaum Muslimin, saf kaum Mush ini sepertimana yang disebutkan ALlah:

> *"Seperti bangunan (binaan) yang tersusun rapi".*
>
> (Surah al-Saf: Ayat 4)

Atasi kesulitan yang mungkin membawa retak dan lemah. Can titik persamaan, singkirkan titik perbezaan-sengketa. Tempuhi jalan yang membawa kekuatan, elakkan perselisihan yang membawa lemah. ltulah yang diharap-nantikan oleh umat yang di bawah, kepada pemimpin.

Itulah suruhan dan pesanan agama kepada pimpinan. Ituhah amanat dan wasiat Rasul, kepada pimpinan. Can dan susun kekuatan kepada rakyat.

Atur dan sahurkan kekuatan itu merebut kemenangan, menegakkan Kalimah ALlah di muka bumiNya.

Percayalah, potensi ummat masih utuh, Menunggu pimpinan dan perintah:

Dari Pemimpin!

2. HUKUM APA YANG SAUDARA INGINKAN?

Pilihanraya umum untuk perlembagaan; majlis pembentuk undang-undang dasar, mengganti undang-undang dasar ciptaan Suruhanjaya Reid yang ada sekarang.

Dasar apa yang saudara hendak pakai, undang-undang apa yang saudara hendak gunakan, isme (fahaman) apa yang saudara iñginkan?

Demikianlah sesungguhnya isi dan tujuan dan pilihanraya yang akan datang. Kalau saudara seorang komunis, pastilah saudara akan menjawab, bahawa komunislah yang saudara pilih untuk menjadi dasar negara Malaysia ini. Kalau saudara seorang sosialis, tentu saudara akan memilih dasar sosialisme. Kalau saudara seorang nasionalis amat wajar saudara memilih nasionalisme (‘asabiyyah).

Samada komunis, sosialisme, nasionalisme... semuanya itu menolak dan menentang Undang-undang Islam dilaksanakan dalam negara. Semuanya itu anti berjalannya hukum Islam dalam masyarakat. Menurut keyakinan golongan di atas, agama tidak boleh dibawa-bawa ke dalam masyarakat, tidak boleh ikut campur mengatur negara. Menurut mereka, agama dan ajarannya; hukum ALlah itu cukup hanya mengurus orang yang sudah mati, menuju jalan akhirat.

Bagi saudara sebagai seorang Muslim, seorang yang bersyahadah, yang selalu ruku’ dan sujud, hukum apa, dasar apa, isme (fahaman) apa yang Iayak dan wajib saudara perjuangkan? Relakah saudara sebagai seorang Muslimin menggunakan hukum dan undang-undang atau fahaman, selain dan hukum dan Un dang-undang ALlah? Layakkah bagi saudara sebagai seorang Muslimin, mengaku beragama Islam, mengaku menjadi ummat Muhammad, mendokong ideologi yang tidak berdasarkan kepada Islam. Layakkah saudara menganut fahaman lain, dan memperjuangkan keyakinan lain? Bukan dasar Islam, bukan Hukum Islam atau Undang-undang Islam?

Sesungguhnya ajaran Islam dalam al-Qur’an dan al-Hadith telah cukup memberi peringatan dan didikan kepada ummat Islam. Islam telah memberikan hukum dan undang-undang yang lengkap; melingkupi segenap segi kehidupan, ukhrawi dan duniawi, ‘ibadat dan mu’amalat. Sama ada mengenai kehidupan orang perseorangan, mauhpun mengenai masyarakat dan negara— semuanya terdapat di dalam Islam.

Menjawab pertanyaan, hukum apa yang wajib dijalankan oleh kaum Muslimin, ALlah Subhanahu wa Ta’ala berfirman di dalam al-Qur’an.

> *“Dan hendaklah kamu menghukum di kalangan mereka dengan hukum yang diturunkan oleh ALlah, jangan kamu menurut hawa nafsu orang banyak, awaslah percu baan mereka untuk menyesatkan kamu dan sebahagian hukum yang telah diturunkan oleh ALlah kepadamu. Sekiranya mereka berpaling, ketahuilah! bahawa tidak lain melainkan ALlah akan menimpakan ‘azab siksa kepada mereka kerana sebahagian dan dosa yang mereka laksanakan, Sesungguhnya kebanyakan dari manusia itu fasiq dan durhaka”.*
>
> (Surah al-Maidah: Ayat 49)

Wala tattabi’ ahwa’ahum!

Jangan kamu mengikutkan kehendak hawa nafsu orang ramai, yang hendak bertahkimkanl bukan kepada ALlah dan Rasul Nya, tetapi kepada fikiran dan nafsu orang banyak. Hukum ke’adilanl, hak dan kebenaran, bukan menurut ukuran hawa nafsu orang banyak, bukan ditentukan oleh otak dan fikiran manusia ramai.

Tauhid dan musyrik, Iman dan munafiq, Islam dan kufur, haq dan batil, sunnah dan bid’ah, kezalirnan dan ke’adilan, ukurannya bukan terletak pada otak dan

fikiran, tetapi ditetap kan oleh ALlah dan RasulNya. Sesungguhnya Islam tidak menyuruh manusia bertahkimkan kepada demokrasi, suara terbanyak (separuh tambah satu); tetapi melalui syura yang diperintahkan — berdasarkan kepada nas al-Qur'an dan al-Hadith, itu lah yang wajib dipatuhi.

Apa hukumnya parti atau golongan organisasi yang tujuan perjuanganya bukan untuk melaksanakan Hukum ALlah?

Apa hukumnya ummat Islam memasuki parti yang sedemikian itu?

Apa hukumnya orang menggunakan undang-undang dan hukum, bukan undang-undang dan hukum yang diturunkan AL Al-Qur'an menjawab:

"Dan barangsiapa yang tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh ALlah, inaka mereka itulah orang kafir".

(Surah al-Maidah: Ayat 44)

"Sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang di turunkan oleh ALlah maka mereka itulah orang-orang yang zalim ".

(Surah al-Maidah: Ayat 45)

"Dan barangsiapa yang tidak menghukum dengan apa yang telah diturunkan oleh ALlah, maka mereka itulah orang-orang yang fasiq".

(Surah al-Maidah: Ayat 47)

Kafir, zalim dan fasiq..

Kafir, jikalau orang menganggap bahawa hukum ALlah itu tidak layak dan tidak sesuai untuk menjadi uridang-undang negara. Kafir, jikalau orang menganggap ada lagi peraturan lain yang lebih baik daripada peraturan ALlah dan RasulNya.

Zalim, jikalau orang menggunakan hukum dan undang-undang selain dari hukum dan undang-undang ALlah — kerana tidak mengetahui tentang hukum ALlah. Zalim meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Zalim menipu dan menganiaya diri sendiri, menganiaya orang banyak. Fasiq jikalau orang mengetahui hukum ALlah dan Rasul, tetapi kerana beberapa sebab, ti dak mahu menggunakan Hukum ALlah itu.

Begitu tegasnya al-Qur'an memberi peringatan dan tegahan kepada kaum Muslimin, supaya jangan menerima hukum selain dan Hukum ALlah dan RasulNya. Jangan mencari isme, 'aqidah dan dasar, selain daripada Islam. Jangan mengikut hukum dan keyakinan lain dari hukum dan keyakinan Islam. Jangan membantu memperjuangkan dasar lain dan apa yang diperjuangkan oleh dasar Islam.

"Apakah mereka menghendaki hukum jahiliyyah? Bukankah tidak ada yang lebih baik dan 'adil selain dari hukum ALlah bagi kaum yang percaya".

(Surah al-Maidah: Ayat 50)

Hukum dan undang-undang yang menyimpang dan bertentangan dengan ajaran Islam, menurut al-Qur'an dipandang sebagai hukum jahiliyyah samada jahiliyyah purba mauhpun jahi liyyah moden.

Ummat Islam yang bernaung dan berjuang bukan dalam ja ma'ah Islam, yang hendak memperjuangkan hukum dan cita-cita Islam, mereka sesungguhnya berada di barisan yang hendak menegakkan hukum jahiliyyah, hukum taghut.

Setiap orang Islam, setiap Muslim dan Muslimat, yang mengaku beriman kepada ALlah, kepada Rasul dan kepada KitabNya, wajib rela dan sedia menjalankan Hukum ALlah, dalam dirinya, keluarganya, jiran tetangganya, kampung halamannya, wilayah dan daerahnya serta negara dan bangsanya.

Kerelaan dan kesediaan menenima Hukum ALlah, ketentuan dan keputusan dari ALlah, menjadi ukuran iman dan kemenangan hidupnya, seperti yang ditenangkan oleh al-Qur'an:

> *"Tidak lain sambutan ummat Mu'minin, apabila mereka diajak kepada ALlah dan RasulNya supaya menghukum di antara mereka, ucapannya ialah: "Kami dengar dan kami ta 'at" dan mereka itulah orang yang akan mendapat kemenangan ".*
>
> (Surah al-Nun: Ayat 51)

Sami'na wa ata'na

Kami dengar dan kami ta'at.

Tidak boleh mengelak dan mencari jalan keluar, dengan dalih dan alasan fikinan dan kemahuan hati. Tidak boleh menolak

kerana harapkan apa yang dinamakan "perpaduan nasional" atau "kesatuan nasional" dan sebagainya. Tidak boleh mengadakan pilihan atau mencari titik persesuaian orang banyak, nafsu orang ramai, guna memelihara kesatuan atau persatuan:

> *"Tidak ada pilihan bagi Mu 'minin dan Mu 'minat, apa bila ALlah dan RasulNya telah menetapkan sesuatu urusan; dan barangsiapa yang durhaka kepada ALlah dan Rasu]Nya (tidak mahu menerirna hukurn ALlah dan RasulNya), maka sesatlah ia dengan kesesatan yang jauh (nyata)".*
>
> (Surah al-Ahzab: Ayat 36)
>
> *"Dan apabila mereka diseru kepada ALlah dan Rasul Nya supaya menghukum di antara mereka, tiba-tiba segol ongan dan mereka berpaling".*
>
> (Surah Al-Nur: Ayat 48)

Berpaling dan Hukum ALlah mencari hukum lain. Berpaling dan Undang-undang Islam, mencani undang-un dang yang tidak Islam.

Berpaling (menyeberang) memasuki parti dan organisasi yang tidak Islam, menentang dan menyerang barisan per juangan yang hendak menegakkan KalimatuLlah:

> *"Sekali-kali tidak! Demi Tuhanmu (wahai Muhammad): mereka itu tidak beriman, sehinggalah mereka menjadikan engkau hakim terhadap apa yang mereka perselisihkan, kernudian mereka tidak merasa keberatan menerima keputusan yang kamu ambil (berikan) itu — di dalam hati mereka".*
>
> (Surah al-Nisa': Ayat 65)

Alangkah tegas dan jelasnya firman ALlah di atas itu. Kerelaan dan kesediaan orang hendak menjadikan Hukum ALlah itu, menjadi ukuran imannya seseorang.

Kerelaan dan kesediaan orang untuk memperjuangkan Undang-undang dan Hukum ALlah, menjadi ukuran imannya seseorang.

Kerelaan dan kesediaan seseorang untuk berjuang memenangkan dasar Islam, menjadi ukuran imannya seseorang.

Tiada kesediaan dan kerelaan itu, tidak dianggap seseorang itu beriman atau termasuk golongan Mu'minin.

Benarlah apa yang telah disabdakan oleh RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi Wasallam dalam *hadithnya:*

"Sesiapa yang tidakmengarnbil berat urusan kaum Muslimin, maka mereka bukanlah dan kalangan Muslimin".

(Riwayat al-Baihaqi)

Mereka bukan dan kalangan Muslimin dan Mu'minin. Setelah kita mengikuti firman ALlah di atas itu, insaflah kita, bahawa wajib hukumnya Ummat Islam memperjuangkan hukum dan undang-undang Islam supaya menang, tegak dan berjalan dalam negara Malaysia.

Satu suara (undi) yang diberikan dalam pilihanraya umum kepada organisasi atau Parti Islam, bererti meletakkan sebuah batu guna membina negara keredhaan Ilahi di Malaysia.

Sebaliknya, satu suara (undi) yang diberikan kepada organi sasi atau parti bukan Islam, atau yang tidak berdasarkan Islam; tidak memperjuangkan Islam, bererti pengkhianatan terhadap perjuangan Islam; pengkhianatan terhadap ALlah dan RasulNya; pengkhianatan terhadap Iman dan Tauhidnya sendiri. Bukan sahaja pengkhianatan, tetapi juga penentangan dan pengisytiharan perang kepada ALlah dan RasulNya; keluar dan pimpinan ALlah dan RasulNya.

Berilah peringatan dan penerangan kepada umat Islam, agar mereka jangan sampai termasuk orang yang berkhianat; jangan sampai mereka termasuk orang yang tercabut Iman dan Tauhidnya lantaran meredhai maksiat dan kekufuran.

3. SIAPA YANG WAJIB DIPILIH?

Pilihanraya umum untuk perlembagaan dan Dewan Perwa kilan Rakyat. Memilih wakil-wakil yang akan membuat undang undang dasar negara (perlembagaan) dan anggota parlimen kekuasaan tertinggi dan negara. Memilih **ahlul halli wal 'aqdi**, orang kepercayaan ummat yang akan menentukan haluan negara.

Memilih pemimpin-pemimpin yang sanggup menjalankan hukum dan syari'at Islam.

Memilih ulil-amri yang akan diserahi mengemudikan negara, yang wajib dita'ati oleh ka*um Muslimin:*

> *"Wahai orang-orang yang beriman!, ta 'atlah kepada ALlah dan ta'atlah kepada Rasul dan orang-orang yang memerintah dan kalangan kamu (beriman)!*
>
> (Surah al-Nisa': Ayat 59)

Ulil amri minkum!

Bukan ulil amri minhum!

Ulil amri yang dipilih dan diangkat oleh kaum Muslimin merupakan kepercayaan kaum Muslimin. Ulil amri yang ta'at kepada ALlah dan RasulNya, bukan yang ingkar dan kufur kepada ALlah dan RasulNya.

Ulil amri yang demikian itu yang wajib dita'ati oleh ummat Islam dan wajib dipilih serta dicari oleh ummat Islam:

> *"Sesungguhnya, hanya sanya pemimpin kamu adalah ALlah, RasulNya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan mereka adalah orang-orang yang ruku' (tunduk dan patuh kepada titah perintah ALlah Subhanahu Wa Ta 'ala)".*
>
> (Surah al-Ma'idah: Ayat 55)
>
> *"Dan barangsiapa yang berketuakan kepada ALlah, RasulNya dan orang-orang yang beriman, maka sesungguhnya Parti ALlah itulah yang mencapai kemenangan".*
>
> (Surah al-Ma'idah: Ayat 56)

Itulah ketetapan dan ketentuan al-Qur'an, yang wajib dijadikan pedoman dan pegangan bagi kaum Muslimin, dalam menetapkan sikap dan pendirian, memilih wakil kepercayaan untuk perlembagaan dan parlimen yang akan datang.

Ummat Islam hendaklah memilih orang yang dipercayai 'aqidahnya, di lapangan apa dia berjuang. Jangan sampai tertipu atau terkicuh dengan orang-orang yang pandai dalil, pandai berpidato membawakan ayat-ayat al-Qur'an dan hadith, untuk kepentingan **politik sekular** mereka.

Golongan ini suka beramah-tamah dengan kaum Muslimin untuk kepentingan politik **'asabiyah mereka yang sesat**.

Periksa dahulu imannya, ta'atnya kepada hukum ALlah dan RasulNya, sembahyangnya, puasanya dan dasar serta parti perjuangannya Semuanya itu menjadi ukuran yang tajam dalam menentukan layak atau tidaknya dia dipilih sebagai pemimpin dan dijadikan pilihan oleh kaum Muslimin.

Dalarn al-Qur'an bukan sahaja ditunjukkan siapakah orang yang berhak dijadikan (dipilih) menjadi pemimpin (orang diberi kepercayaan) tetapi juga dijelaskan, siapakah yang tidak boleh dipilih dan yang tidak boleh dipercaya oleh kaum Muslirnin.

Firman ALlah:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan orang-orang Yahudi dan Nasrani itu sebagai ketua sebahagian mereka menjadi ketua sebahagian yang lain. Barangsiapa di kalangan kamu yang menjadikan mereka sebagai pemimpin maka sesungguhnya ia jadi dari golongan mereka (Yahudi dan Nasara). Sesungguhnva ALlah tidak memberi petunjuk kepada orang orang yang Zalim”.

(Surah al-Maidah: Ayat 51)

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan (pemimpin atau ketua) orang-orang yang men jadikan agama kamu sebagai ejekan dan permainan, daripada ahli kitab yang sebelum kamu, dan (janganlah kamu jadikan) orang-orang kafir sebagai ketua, dan takutlah kepada ALlah, jika kamu sungguh-sungguh orang yang beriman”.

(Surah al-Ma’idah: Ayat 57)

“Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu ambil sebagai sahabat. setia (bitanah) lain daripada golongan kamu; mereka itu tidak henti-hentinya berikhtiar menarik kecelakaan atas kamu, mereka itu suka apa yang menyusahkan kamu. Sesungguhnya kebencian telah terbit dan mulut-mulut mereka itu, tetapi apa yang tersembunyi dalam hati mereka itu adalah lebih besar. Kami telah terangkan tanda-tanda kepada kamu, jika kamu (mahu berfikir)”.

(Surah Ali-Imran: Ayat 118)

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu jadikan orang-orang kafir itu sebagai ketua (pemimpin); padahal mereka itu bukan dan kalangan Mu‘minin; apakah kamu mahu mengadakan satu alasan yang nyata bagi ALlah buat (menghukum) kamu?”

(Surah al-Nisa’: Ayat 144)

“Ingatlah! kamu ini mencintai mereka itu sedang mereka tidak cinta kepada kamu, dan karnu percaya kepada seluruh kandungan isi al-Qur’an sedang mereka itu apabila bertemu dengan kamu, mereka itu mengakui:

“Kami beriman”, tetapi apabila berpisah, mereka gigit jari-jari mereka lantaran marah bercampur benci kepada kamu. Katakanlah kepada mereka: “Matilah kamu bersarna kemarahan kamu itu “, ALlah mengetahui apa yang terkandung di dalam dadamu”.

(Surah Ali-’Imran: Ayat 119)

“Berilah khabar kepada orang-orang munafiq, iaitulah orang-orang yang mengangkat orang kafir sebagai pimpinan (ketua) — bukan dan kalangan Mu’minin. Patutkah mereka mencari kemuliaan daripada mereka itu? Sesungguhnya kernuliaan itu semuanya bagiALlah “.

(Surah al-Nisa’: Ayat 139)

“ALlah sekali-kali tidak memberi jalan bagi orang kafir untuk rnenguasai orang-orang Mu ‘min”.

(Surah al-Nisa’: Ayat 141)

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengambil bapa-bapa, saudara-saudara kamu menjadi pemimpin, jika mereka memilih kafir daripada iman. Barangsiapa mengangkatnya menjadi pemimpin di kalangan kamu, nescaya adalah dia orang-orang yang zalim”.

(Surah al-Taubah: Ayat 23)

"Bagaimana dapat dipercayai, padahal kalau mereka mendapat kemenangan atas kamu, tidak akan mereka hormati tali persaudaraan dan tidak akan mereka penuhi perjanjian. Mereka itu memujuk kamu dengan mulut-mulut mereka, sedang hati mereka tidak sedemikian, dan kebanyakan dan mereka itu orang-orang yang fasiq lagi durhaka".

(Surah aI-Taubah: Ayat 8)

"Mereka bersumpah kepada kamu (dengan berbagai rupa janji dan kesanggupan), supaya kamu suka dan rela kepada mereka walaupun kamu suka dan rela kepada mereka, tapi ALlah tidak suka kepada kaurn yang fasiq".

(Surah al-Taubah: Ayat 96)

"Dan barangsiapa memusuhi Rasul itu, sesudah jelas baginya jalan petunjuk (kebenaran), dan mengikuti jalan orang-orang yang tidak beriman; maka Kami palingkan dia ke mana yang dia suka, dan Kami akan masukkan dia ke dalam neraka jahanam dan itulah seburuk-buruk tempat kembali". (an-Nissa'/4: 115).

(Surah al-Nisa': Ayat 115)

"Mereka bersurnpah kepada kamu dengan nama ALlah, untuk menyenangkan kamu, padahal ALlah dan Rasul Nya lebih patut mereka senangkan, jika betul mereka orang-orang beriman! Tidakkah mereka ketahui, bahawa sesungguhnya barangsiapa yang memusuhi ALlah dan RasulNya, maka sesungguhnya adalah bagi mereka api neraka jahanarn, kekallah mereka di dalamnya. Yang dernikian itu adalah satu siksa yang besar".

(Surah al-Taubah: Ayat 62—63).

"Kamu tidak jumpai (wahai Muhammad) satu kaum yang beriman kepada ALlah dan hari akhirat; mereka itu mencintai orang-orang yang mernusuhi ALlah dan RasulNya; walaupun mereka itu terdiri dan bapa-bapa, anak-anak, saudara-mara dan kaum kerabat mereka sendiri; itulah orang-orang yang ALlah teguhkan dalam hati mereka itu akan keimanan dan dikuatkan dengan ruh daripadaNya; mereka dimasukkan ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalarnnya; mereka redha kepada ALlah dan ALlah redha kepada mereka, itulah Parti ALlah, dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Parti ALlah itulah yang mencapai kemenangan".

(Surah al-Mujadalah: Ayat 22)

"Mereka telah dikuasai oleh syaitan hingga lupa kepada ALlah; mereka itulah Parti Syaitan, dan ketahuilah bahawa sesungguhnya Parti Syaitan itulah yang memperolehi kerugian. Sesungguhnya orang-orang yang memusuhi ALlah dan RasulNya; mereka termasuk golongan yang terhina".

(Surah al-Mujadalah: Ayat 19)

Saya cukupkan beberapa kutipan dan ayat-ayat al-Qur'an yang kesemuanya berisikan perintah dan larangan, hiburan dan ancaman.

Perintah kepada orang yang beriman, supaya memilih pemimpin dan kalangan yang beriman juga, bukan beriman dengan mulutnya; tetapi beriman dan bertekad hendak menegakkan hukum-hukum ALlah dalam masyarakat manusia.

Tegas terhadap apa yang disuruh dan diperintah.

Jelas pula apa yang dilarang dan ditegah.

Terang mana yang hak dan halal, yang harus dipilih.

Terang pula mana yang haram dan batil, yang tidak boleh di pilih.

Nyata siksa dan bencana di hari kemudian akan ditimpakan ALlah kepada kaum Muslimin, jikalau mereka tidak hati-hati dan waspada dalam meletakkan pilihan dan memberikan undi (suara). Undi yang diberikan hanya sekadar tertarik kepada janji dan kesanggupan, kesenangan duniawi dan badan. Hanya sekadar tertarik oleh tiupan kebendaan, harta dan benda yang bersifat fana' dan sementara.

Menjual iman dan tauhid dengan harga duniawi?

Menjual 'aqidah dan keyakinan dengan mata benda?

Menjual agama dengan harga yang sedikit?

Orang yang demikian sifat dan wataknya, gugurlah iman dan Islamnya.

Memang, seluruh ayat-ayat al-Qur'an yang kita bawakan di atas, bunyi dan isinya terlalu keras dan tajam — terlalu pahit.

Keras dan tajam bagi orang yang kufur dan munafiq.

Pahit dan tidak enak bagi perasaan dan nafsu manusia.

Memang sangat tajam, keras dan sangat pahit.

Ia mengenai jantung kehidupan ummat Islam.

Ia mengenai irnan dan imamah dari kaum Muslimin.

Ia mengenai soal pemimpin dan pimpinan dari Muslimin.

Ia meletakkan **hudud**, batas dan ketentuan, ketetapan dan garis sempadan yang tajam sekali, yang haram bagi kaum Muslimin melanggarnya kerana untuk memelihara apa yang dinamakan **persatuan nasional** — seperti yang biasa kita dengar dan mulut -mulut munafiq di waktu yang akhir-akhir ini. Itulah hudud dan hukun ALlah.

Itulah ketetapan dan ketentuan daripada ALlah. Terserah kepada manusia, hendak iman, mari ke mari! Hendak kufur dan engkar silalah ke sana!

Al-Qur'an dan al-Hadith cukup memberikan pedoman dan pegangan bagi kaum Muslimin, meletakkan dasar-dasar dan qa'idah-qa'idah, ketetapan dan prinsip yang tidak boleh ditawar-tukar. Sesiapa yang cuba mencari kompromi dalam soal prinsip dan dasar ini, ia benkhianat kepada ALlah dan RasulNya. Ia menipu dirinya sendiri, menipu umat Islam. Ia berlaku zalim terhadap dirinya sendiri, menzalimi orang di luar dirinya.

> *"Katakanlah wahai Muhammad! Haq kebenaran itu datangnya dan Tuhan kamu, barangsiapa yang ingin percaya, berimanlah dia, dan sesiapa yang ingkar, kufurlah!"*
>
> (Surah al-Kahfi: Ayat 29)

4. JANGAN SALAH TAFSIR

Akan tetapi, Saudara janganlah salah tafsir, jangan salah hemat.

Jikalau kita mengemukakan pendirian kita dengan dasar al-Qur'an, seperti yang kita bentangkan di atas, jangan saudara ertikan bahawa ummat Islam akan "talaq tiga" dengan golongan lain, parti yang berdasarkan lain kepada Islam.

Jangan saudara tafsirkan bahawa ummat Islam akan berkerat rotan dengan golongan yang berkeyakinan dan berfalsafah lain, beragama dan berkepercayaan lain.

Jangan saudara sangka umat Islam tidak mahu berhubungan dengan golongan yang bukan Islam, 'uzlah mengasingkan diri dari 'alam pengaulan masyanakat manusia.

Tidak ada larangan dalam agama, bagi kaum Muslimin akan bermu'amalah, campur-gaul dengan onang dan golongan yang tidak seiman dan se'aqidah dengan mereka:

> *"ALlah tidak melarang kamu dari orang-orang yang tidak memerangi kamu dalam agama, dan tidak mengusir kamu dari negerimu sendiri, bahawa berbuat dan berlaku adil kamu kepada mereka'.*
>
> (Surah al-Mumtahanah: Ayat 8)

Boleh bermu'amalah, bercampur-gaul, bermasyarakat, berjual beli, berhutang-piutang, gadai menggadai dengan orang bukan Islam.

Perempuan ahli kitab boleh dikahwini oleh orang Islam, dan isteri ahli kitab itu wajib diberi nafkah dan belanja yang cukup oleh suami Muslim, itu dapat menjalankan agamanya.

Dalam satu negara Islam, gereja-gereja Kristian dan rumah rumah ibadat Yahudi tidak boleh diganggu.

Pada suatu hari ketika RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi wasal lam, berada di tengah-tengah sahabatnya, datanglah serombongan orangorang yang sedang membawa jenazah Yahudi. Rasu luLlah SallaLlahu 'alaihi wa sallam, memutuskan percakapan dan berdiri dengan segala kehormatan.

Setelah nombongan itu benlalu, bertanyalah seorang sahabat:

Mengapa tuan berdiri? Apakah tidak tahu, bahawa itu hanya Jenazah seorang Yahudi belaka?"

Nabi SallaLlahu 'alaihi wa sallam menjawab: "Aku tahu, te tapi apakah seorang Yahudi itu bukan manusia, yang berada di muka bumi ALlah? Bukankah ia mempunyai roh yang tak kunjung mati dan akan hidup untuk selama-lamanya di suatu tempat yang tersedia baginya?"

Akan tetapi urusan pimpin-memimpin dalam satu perjuangan kaum Muslimin untuk mencapai satu cita-cita kenegaraan, untuk menyempurnakan berlakunya hukum-hukum Islam, Untuk satu susunan pemenintahan yang akan didasarkan kepada Islam .. ini soal yang berlainan!

Cuba tunjukkan satu contoh bahawa RasuluLlah pernah membantu kaum kafir buat satu pemenintahan yang bakal diatur bukan secara Islam, padahal orang yang bakal duduk di bawah pemerintahan itu adalah tidak berdasarkan kepada Islam!

Bermu'amalah sehari hari lain, berjihad untuk menegakkan hukum Islam, lain.

Sebab ini bukan urusan benjual beli, bukan urusan berhutang-piutang, bukan urusan makan-memakan santapan, bukan masalah kahwin dengan perempuan ahli

kjtab, bukan masalah bertukar hadiah, bukan urusan menyertai bersama dalam perdagangan dan yang semacam dengannya — dalam urusan pergaulan harian

Adapun dalam urusan pimpin-memimpin dan percaya mempercayai dalam jihad dan perjuangan sebagaimana yang kita sebutkan di atas, dengan tegas dan terang-terang pula RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi wa sallam, mengadakan peraturan dan batas (disiplin) yang cukup jelas.

Baik terhadap orang kafir yang terang-terangan, ataupun munafiq yang pura-pura Islam, atau mereka yang menjadikan agama buat main-main dan olok-olok, atau orang Islam keturu nan ibu bapa semata-mata (Islam geografi kata Amir Syakib Arselan); yang tidak memakai tanda-tanda ke Islaman dan keImanan pada sisinya yang berupa ‘amal ‘ibadah yang membezakan antara kafir dan Islam.

Dilihat dan dasar nasionalisme (kebangsaan), tidak ada halangan umpamanya meletakkan orang-orang yang bernama Melayu (yang belum tentu Islam atau tidak), memegang teraju dan memimpin perjuangan ummat Islam — dan tidak ada salahnya orang Islam memasuki parti yang tidak memperjuangkan Islam. Tidak ada halangan kalau dilihat dani sudut kebangsaan, ditinjau dan segi nasionalisme.

Akan tetapi apakah layak dan halal bagi kaum Muslimin benketuakan kepada manusia seumpama itu?

Berpemimpinkan kepada orang-orang dan golongan yang kita sebutkan di atas?

Apakah layak dan halal bagi kaum Muslimin meletakkan dan menyerahkan pimpinan ke dalam tangan mereka ini; kepada kaum atau golongan yang menolak dasar Islam dan menjadi peraturan negara dan masyarakat?

Padahal sudah tidak ragu lagi, bahawa rezeki ini sebagai orang kafir, orang-orang Kristian, Buddha dan sebagainya. Kalau tidak hendak dinamakan **memusuhi** paling sedikit, tidak suka kepada perlaksanaan atau benjalannya hukum dan peraturan Islam.

Padahal sudah tenang bahawa pemimpin-pemimpin nasionalisma dan ‘asabiyyah itu tidak sudi melihat berlakunya dasar Islam dalam negara dan masyarakat Malaysia ini.

Sesungguhnya tidak!

Tidak pantas dan tidak layak, sekali-kali tidak halal, walaupun mereka ini berbangsa Melayu, meskipun mereka bercita-cita menerapkan nilai-nilai Islam menurut nafsu mereka sendiri. Sekali lagi kita tegaskan di sini:

Mu’amalah dan pergaulan dalam kehidupan sehari-hari ādalah lain, pimpin-meminpin dalam jihad dan perjuangan mencapai cita-cita kesempurnaan menegakkan syariat Islam untuk keselamatan dan kesejahteraan manusia sejagat khususnya dalam kehidupan bernegara adalah lain.

Dengan segala rasa hurmat, kita harapkan agar orang jangan salah tafsir; kalau kita tegaskan bahawa mereka yang bukan Islam atau berfaham nasionalisme (kebangsaan) tidak boleh dijadikan oleh kaum Muslimin sebagai pemimpin, sebagai orang ke percayaan, sebagai *ulil amri* kaum Muslimin dalam perjuangan kaum Muslimin; sebagai *ahlul halli wal ‘aqdi*—kalau kita berkata begitu, tidaklah kita “menghasut” atau “memecah belahkan” atau sebagainya.

Akan tetapi, dengan ini kita mengatakan, menilaikan kewajipan, kita menyampaikan kepada kaum Muslimin sendiri, peringatan-peringat peraturan dan ketentuan dari kita sendiri berkenaan dengan memilih ketua dan pemiirnpin kita sendiri. Di samping penolakan beberapa jenis orang-orang yang tidak halal bagi orang Islam menjadikan mereka ketua dan pemimpin — seperti yang telah kita kemukaank di

atas dalam beberapa ayat al-Qur’an — dalam mencurahkan segenap kepercayaan, maka dengan tegas pula ALlah Subhanahuwa Ta’ala menetapkan:

> *“Hanya sanya pemimpin karnu adalah ALlah, RaulNya dan orang—orang’ yang berirnan, yang mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat, sedang rnereka adalah orang-orang yang ruku’ (tunduk patuh kepada titah perintah ALlah)”*
>
> (Surah al-Ma’idah: Ayat 55)

Hanya kepada pemimpin-pemimpin yang beginilah, yang beriman dan membuktikan keimanan mereka itu dengan ‘amal ‘ibadah yang membezakan antara **Islam** dan **kafir**; yang ‘**raki’un**’, tunduk dan ta’at kepada perintah-perintah ALlah dan RasulNya. Segenap langkah dan gerak-gerinya, dikemudikan oleh firman ALlah dan sunnah Rasul — hanya kepada ketua-ketua dan pemimpin-pemimpin yang sebeginilah kaum Muslimin halal ta’at dalam perjuangan mencapai cita-cita dan dasar mereka.

Hanya pergerakan (parti) yang diatur beginilah yang diakui oleh ALlah sebagai **HizbuLlah**’; parti atau tentera ALlah yang di janjikan kemenangan kepadanya:

> *“Sesiapa yang berketuakan kepada ALlah, RasulNya dan orang-orang yang berirnan, maka sesungguhnya Parti ALlah itulah yang mencapai kernenangan”.*
>
> (Surah al-Ma’idah: Ayat 56)

Mungkin ada orang yang berpendapat:

“Ya baiklah begitu menurut ajaran al-Qur’an. Akan tetapi dalam urusan politik, terkadang-kadang terpaksa juga kita berketua kepada orang yang bukan Islam”.

Kita jawab: Islam — dengan peringatan-peringatan seperti yang telah dikemukakan di atas itu (dan masih banyak yang lain- lain lagi) — apakah maksudnya? Tidak lain, ialah untuk mendidik dan mengajar orang Islam berpolitik. Memang untuk mengajar ‘alif-ba’-ta” dan tektik dan strateji perjuangan politik yang sentiasa diperhatikan oleh kaum Muslimin dalam gelanggang politik. Supaya orang Islam jangan ditelan mentah-mentah buat kesekian kalinya oleh politik.

Tarikh bangkit dan turunnya kerajaan Islam, dan zaman khulafa’ al-Rasyidin, hingga hancurnya sampai kepada saki-bakinya yang ada sekarang ini — semuanya itu adalah satu tafsir dan cermin perbandingan yang nyata dan dasar dan undang-undang politik yang telah ditinggalkan oleh seorang ahli politik terulung untuk para pengikutnya — RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi Wa sallam.

> *“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu ambil orang-orang yang kafir sebagai ketua, padahal mereka bukan dan kalangan Mu‘minin; apakah kamu mahu mendatangkan satu alasan (hujjah) yang nyata bagi ALlah buat menghukum kamu”.*
>
> (Surah al-Nisa’: Ayat 144)

Sekian peringatan kita kepada kaum Muslirnin sendiri, bukan kepada kaum kafirin, siapakah yang wàjar dijadikan pimpinan dalam perjuangan mereka.

Kalau kita memanggil kaum kita, kaum Muslimin ke bawah panji-panji Islam, mencari dan memilih pemimpin-pemimpin yang **seagama** dan **se’aqidah**, seiman dan secita-cita, sepandangan hidup; ini tidak sekali-kali bererti bahawa kita memungkinkan hak mereka pemimpin-pemimpmn bukan Islam atau bangsa kafir untuk bergerak.

Bukankah mereka pemimpin-pemimpin yang bukan Islam, cukup mempunyai lapangan dalam kalangan rakyat kita yang seagama dengan mereka?!

Apakah sebabnya bagi bangsa yang mengaku beriman kepada ALlah dan RasulNya, merasa berat untuk berjuang dan mempertahankan dasar Islam; sedangkan inilah dasar perjuangan yang dihalalkan oleh ALlah? Mereka lebih senang dan lebih rela hati mendokong dasar dan perjuangan yang tidak Islam.

Boleh jadi ada orang berkata, dengan demikian kita akan pecah dna, puak Islam dan puak bukan Islam.

Kita bertanya: Sekarang ini kita pecah berapa?

Ada pecahan Islam semata-mata.

Ada pecahan bukan Islam semata-mata.

Ada pecahan campur-aduk, yang dasarnya kabur, goyang serta goyah.

Sekarang kalau ada orang Islam berkata, bahawa kalau ada masanya bersatu di bawah panji-panji Islam — marilah diadakan dan belahan yang tiga macam, kepada dua belahan saja, belahan Islam semata-mata dan belahan bukan Islam semata-mata — dia yang berkata ini lantas digelarkan sebagai 'pemecah'; penghasut dan sebagainya.

Padahal orang yang mengajak mengadakan atau memperkuatkan di samping Parti Islam dan Parti bukan Islam, dengan kata lain Parti Kebangsaan (Nasionalisme), satu parti yang ketiga, yang campur aduk, maka orang seperti ini mendapat gelaran 'pencari perpaduan', 'pencari persatuan'.

Lojik yang anih!

Pelik dan ajaib; dan alangkah tidak lojik dan tidak adil…

Boleh jadi bagi bangsa yang bukan Islam boleh saja mereka itu bernaung di bawah bendera pergerakan nasional yang tidak berdasarkan kepada Islam, berdasarkan kepada kebangsaan.

Kita merasakan bahawa perkara tersebut boleh berlaku; kerana mereka tidak ada prinsip agama yang melarang mereka ber buat sedemikian.

Tetapi bagi kita kaum Muslimin, tidak begitu. Kita ada 'aqi dah, agama dan pegangan; sekali-kali tidak boleh kita menggabungkan diri dalam dan di bawah bendera pergerakan yang tidak memperjuangkan Islam.

Prinsip tetap prinsip; setiap Mu'min wajib memelihara prinsip agamanya kalau mahu mengekalkan diri sebagai Mu'min. Kerana ia menyentuh keyakinan, iman dan tauhid.

Sekarang, cuba kita persoalkan: Manakah yang keberatan bagi kaum yang mengaku beriman, menyokong dasar 'asabiyyahkah atau dasar Islam?

Apakah patut dan layak, seorang yang mengaku Islam, menentang tujuan dan ajaran Islam sendiri, dengan memperkuat barisan atau pertubuhan yang bukan Islam?

Semoga, mereka yang sudah terlanjur masuk golongan atau parti yang bukan Islam — bahkan yang anti undang-undang dan hukum Islam; menilik kembali sikap dan pendiriannya, berdiri di hadapan cermin besar melihat mukanya, bertanyalah dalam dirinya (hatinya):

> "Apakah wajar aku masuk 'ke sana menjadi golongan 'sana'; menentang jama'ah dan jihad kaumku yang seiman dan seagama?"

Menentang ucapan syahadahku sendiri?

Menentang iman dan tauhidku sendiri?

Memerangi ALlah dan RasulNya?

Memerangi parti yang menegakkan hukum ALlah dan RasulNya?
.pintu taubat masih terbuka luas!

5. SAYA JUGA SEORANG ISLAM

Saya juga seorang Islam, cintakan Islam. Kalau ada orang yang menghina Islam, saya akan tampil ke muka mempertahankannya.

Saya juga seorang Islam, saya berusaha menerapkan nilai-nilai Islam; saya membina mesjid, saya mengadakan seminar-seminar bercorak Islam dan sebagainya lagi.

Saya juga seorang Islam, begitulah intipati ucapan para pemimpin ‘asabiyyah; setelah mereka mengisytiharkan yang mereka tidak bersetuju Malaysia ini dijadikan negara Islam tulin; berjalan di dalamnya hukum-hukum ALlah Subhanahu wa Ta’ala.

Saya juga seorang Islam, tetapi saya memilih parti yang tidak berdasarkan kepada Islam, parti yang Iebih luas; yang bercorak kebangsaan, kata seorang teman kepada saya.

Saya juga seorang Islam, tapi tidak berfahaman Islam, kerana parti yang saya masuki (sertai) tujuannya ialah kemakrnuran hidup yang juga menjadi tujuan orang Islam, kata teman yang lain pula.

Ucapan-ucapan yang semacam itu banyak sekali kita dengar, kita baca. Terdapat orang-orang yang mengucapkan kata kata di atas atau yang sefaham dengan itu, baiklah kita peringat kan firman ALlah yang berbunyi:

“Dan mereka berkata: “Karni beriman kepada ALlah dan Rasul dan karni ta‘at, kemudian sesudah itu berpalinglah segolongan dan mereka (dan ajaran dan hukurn ALlah) dan bukanlah rnereka itu dan kalangan Mu‘mini”.

(Surah al-Nur: Ayat 47)

Mengaku seorang Islam, tetapi anti berlakunya hukum-hukum Islam, tidak mahu menjalankan ajaran dan undang-undang Islam.

ALlah Subhanahu wa Ta’ala, mengatakan, orang yang sedemikian itu bukanlah golongan Muslim in dan Mu’minin.

RasuluLlah s.a.w. bersabda:

“Barangsiapa yang tidak rnemikirkan urusan dan kepentingan kaurn muslirnin (tidak rnenyukai tujuan perjuangan ummat Islam untuk menegakkan Hukurn ALlah dalarn masyarakat), rnaka bukanlah ia dan golongan kaum Muslimin”.

(Riwayat al-Baihaqi)

Falaisa minhum!

Falaisa minal muslimin!

Sekali lagi kita tegaskan.

Tiap-tiap korban dan tenaga-kekuatan yang ditahan memberikannya kepada perjuangan Islam, bahkan diberikan kepada yang lain, dikorbankan untuk perjuangan yang bukan Islam (ghairul Islam) adalah melemahkan barisan perjuangan Islam sendiri yang bercita-cita mengibarkan panji-panji **ALlahu Akbar**, tempatnya kaum Musljmin akan bernaung, tempat sumbernya semesta ‘alam menerima rahmat dan bahagia.

Bukankah yang demikian itu ertinya memperkokohkan barisan yang lain, yang bukan Islam, yang anti agama, tidak mahu menerima hukum-hukum Islam, untuk menjadi dasar pemerintahan, bahkan dan sekarang sudah berpendirian: “**Agama Islam tidak boleh dilaksanakan**”.

Kalau perbuatan yang sedemikian itu tidak boleh dinamakan berkhianat kepada kepentingan Islam — dengan sedar atau tidak — maka tidaklah ada hukum

yang lebih mudah dan ringan lagi, bagi yang seperti itu daripada: .“satu perbuatan yang ditetapkan bukan pada tempat yang semestinya, yang lantaran itu merosakkan kepentingan Islam”.

Menurut istilah al-Qur’an, yang demikian itu dinamakan “zuim”; atau dengan bahasa kita kezaliman.

Zulm, meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya.

Zalim menggunakan sesuatu tidak semestinya.

Orang Islam yang ber’amal bukan pada tempat yang semestinya, yang lantaran itu merosakkan kepada kepentingan Islam dan memberi bantuan kepada salah satu usaha (perjuangan) untuk mengatur negara dan masyarakat dengan tidak memakai hukum-hukum yang diberikan ALlah, adalah orang itu:

Pertama: Melakukan perbuatan zalim.

Kedua: Membantu kaumnya (dengan sedar atau tidak) untuk melakukan kezaliman.

Inilah yang dikatakan ‘asabiyyah yang dikutuk oleh Islam. Dikutuk dan tidak diakui ummat oleh RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi wa sallam.

“Sesiapa yang terbunuh di bawah panji-panji kesesatan laitu — ia rnenyeru kepada kebangsaan atau menolong (perjuangan) kebangsaan, maka kematian nya itu adalah bangkai jahiliyyah “.

(Muslim)

“Bukan dan golongan kita (Islam) orang yang menyeru kepada kebangsaan; dan bukan dan golongan kita orang yang berjuang di atas dasar kebangsaan; dan bukan dan golongan kita orang yang mati di atas dasar kebangsaan”.

(Abu Daud)

“Sesiapa yang keluar sari ta ‘at kepada Imam (Pemerintah Islam) dan berpisah dari jama‘ah, lalu Ia mati maka matinya itu sebagai mati jahiiyyah, dan sesiapa yang berperang (berjuang) di bawah bendera kesesatan — iaitu — ia rnarah kerana kebangsaan atau mengajak orang kepada kebangsaan atau menolong kebangsaan, lalu ia terbunuh, maka matinya itu adalah bangkai jahiiyyah”.

(Muslim)

“Seorang sahabat bertanya: “Wahai RasuluLlah! apakah daripada kebangsaan jika seseorang itu kasih akan kaurnnya? Sabdanya: “Tidak! Tetapi kebangsaan itu ialah seseorang menolong kaumnya di atas kezaliman”.

(Ahmad dan Ibnu Majah)

“Dan Wathilah bin Asqa ia berkata: Saya bertanya kepada RasuluLlah: “Apa yang dikatakan ‘asabiyyah itu?” Sabdanya: Bahawa engkau menolong kaum engkau di atas kezalirnan”.

(Abu Daud)

Terang serta jelas bahawa sesiapa yang menolong kaumnya di atas perkara yang tidak melaksanakan hukum ALlah, maka ia telah menolong kezaliman. Kalau perbuatan yang sebegitu sifat dan akibatnya masih belum mahu dinamakan sebagai zalim, tolong carikan nama yang lain. Akan tetapi hakikat, sifat dan zat perbuatan itu serambut pun tidak akan berubah dengan semata mata menukar-gelar dan namanya sahaja.

Dan apabila perbuatan itu dilakukan dengan sedar, dengan keyakinan, maka termasuklah orang yang demikian itu kepada golongan yang beriman kepada sebahagian daripada isi kandungan al-Qur'an dan kufur kepada sebahagian yang lain.

Firman ALlah dalam al-Qur'an:

"Apakah kamu beriman kepada sebahagian daripada kandungan al-Kitab dan kamu kufur kepada sebahagian yang lain; Maka barangsiapa yang melakukan perkara yang sedemikian itu, tidak ada balasan yang sewajar untuk mereka melainkan kehinaan hidup di dunia dan di hari akhirat akan dicampakkan ke dalam 'azab yang pedih, dan ALlah tidak lupa dan apa yang kamu kerjakan, mereka itulah yang menukarkan kehidupan dunia dengan kehidupan akhirat, maka tidak akan diringankan daripada mereka siksaanNya, dan mereka tidak akan ditolong".

(Surah al-Baqarah: Ayat 85—86)

"Dan mereka berkata: Kami percaya kepada sebahagian dan kufur kepada sebahagian, dan mereka mahu mengadakan jalan (tengah) antara itu, supaya terlepas daripada beriman; mereka itulah orang yang sebenar benar kafir. Dan Kami menyediakan untuk orang-orang yang kafir itu azabyangmenghinakan".

(Surah al-Nisa': Ayat 150—451)

Ula'ika humulkafiruna haqqan!

Mereka itulah yang kafir sebenar-benarnya!

Begitu firman ALlah dalam al-Qur'an dalam surah an-Nissa' ayat 150. Memang tajam, pahit, tegas serta jelas. Itulah ketentuan dan ALlah, ketetapan dan ALlah. Kita hanya sekadar mengutip dan menyalin ketentuan dan penetapan itu.

Sewaktu kita menulis karangan ini, dan awal permulaannya hingga akhir kesudahannya, tiada lepas-lepasnya Kitab al-Qur'an berada di muka kita, ia kita jadikan pegangan dan pedoman.

Pegangan dan pedoman dalam menyeru dan memanggil umat Islam, golongan kita sendiri, supaya kembali kepada jalan yang haq dan benar, meninggalkan jalan yang sesat dan batil.

Hak dan benar menurut ketetapan al-Qur'an. Sesat dan batil menurut ketetapan al-Qur'an. Kita memanggil kaum Muslimin dan Muslimat, agar berbaris rapat, bersaf-saf laksana benteng maha kuat, guna membentengi perjuangan Islam, memenangkan cita dan idea masyarakat Islam, seperti yang dicontohkan oleh Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi wa sallam.

Dengan membawakan beberapa ayat aI-Qur'an, kita mengemukakan prinsip-prinsip Islam, ketentuan-ketentuan Islam, kepada umat pemeluknya.

"Katakanlah yang benar itu walaupun ianya pahit!"

(Hadith riwayat Imam Ahmad dalam Musnadnya)

Begitu sabda-perintah RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi wasallam, kepada ummatnya dalam sebuah hadith.

Pahit menurut ukuran nafsu kesukaan manusia.

Pahit menurut rasa lidah yang biasa mengenal sedap dan enak.

Tetapi tahukah saudara, bahawa pada rasa zat yang pahit itu terletak rahsia kebaikan dan kesehatan bagi tubuh yang menderita sakit?

Tahukah saudara, bahawa rasa dan semangat agama tidak mungkin saudara ukur dengan nafsu dan hawa keinginan diri, tetapi harus diterima oleh jiwa yang yakin dan jantung yang beriman?

Tahukah saudara, bahawa dalam kepatuhan dan keta'atan terhadap ajaran dan hukum Islam, di situlah terletaknya ke'abadian dan kesungguhan hidup?

Tahukah saudara, bahawa ketundukan diri dalam menerima dan menelan semua ajaran dan hukum agama tanpa banding dan bantah, di situ terletak rasa hidup beragama?

Mudah-mudahan manusia Malaysia yang bersyahadah sudi merenungkan seruan kita ini.

Umat yang bersyahadah, yang mengaku bahawa ALlah adalah Tuhan yang wajib disembah, dan Muhammad SallaLlahu 'alaihi wa sallam, adalah Rasul dan Pesuruh ALlah yang wajib dicontohi.

Umat yang mengaku Islam menjadi agamanya. Ummat yang ruku' dan sujud.

Yang mengaku bahawa dia adalah seorang Islam. Kepada orang dan golongan yang demikian itu, kita menyampaikan seruan ini:

"Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam Islam seluruhnya".

(Surah al-Baqarah: Ayat 208)

Masukilah ke dalam Islam seluruhnya. Pakailah ajaran Islam selengkapnya. Gunakan hukum Islam itu segenapnya. Jangan saudara beragama separuh-separuh atau setengah-se tengah.

Tauhid setengah, musyrik setengah.

Iman setengah, munafiq setengah.

Islam setengah, kafir setengah.

Hak setengah, batil setengah.

Halal setengah, haram setengah.

Sunnah setengah, bid'ah setengah.

Jangan saudara beragama sebahagian-sebahagian atau setengah-setengah.

Jangan saudara menelan yang manis memuntahkan yang pa-hit.

Membawa yang ningan menolak yang berat.

Jangan saudara mengkompromikan dalam jantung saudara antara tauhid dengan musyrik, iman dengan munafiq, Islam dengan kafir.

Jangan saudara mengaku sebagai seorang Islam, jikalau saudara anti dan benci berlakunya hukum-hukum Islam dalam m syarakat.

Pengakuan saudara itu adalah palsu, dusta belaka.

Palsu dan dusta, menurut ketetapan hukum dan ALlah dan RasulNya.

Palsu dan dusta menurut hukum al-Qur'an dan hadith Nabi. Palsu dan dusta, kerana saudara menipu diri sendiri dan menipu rakyat banyak.

Pilih satu antara dua:

Mahu Islam atau mahu kafir.

Mahu haq atau mahu batil.

Mahu halal atau mahu haram.

Kompromi antara keduanya tidak ada.

Tidak ada kompromi antara tauhid dengan syirik.

Tidak ada kompromi antara iman dengan nifaq.

Tidak ada kompromi antara Islam dengan kafir.

Tidak ada kompromi antara halal dengan haram.

Tidak ada kompromi antara hak dengan batil.

Tidak ada kompromi antara sunnah dengan bid'ah.

Tidak ada kompromi antara ma'ruf dengan munkar.

Pendeknya tidak ada kompromi antara **fi sabiliLlah** dengan **fi sabilit-Taghut**.

Tidak ada kompromi antara jalan ALlah dengan jalan sesat dan menyesatkan.

Kepada segenap 'ulama' dan zu'ama' Islam, kepada seluruh muballighin dan muballighat saya serukan;

Sampaikan seruan ini kepada ummat Islam.

Jangan ragu-ragu, jangan sangsi dan bimbang.

Jangan saudara berpendirian kalau seruan yang tajam dan pahit ini dikemukakan, nanti saudara dituduh pengacau, dan pemecah belah perpaduan negara.

Jangan saudara berpendirian kalau seruan yang tajam dan pahit ini dikemükakan, nanti akan merugikan perhitungan politik.

Jangan saudara berkhianat kepada ALlah kerana perhitungan politik.

Dalam Islam politik hanyalah alat. Alat dari Islam.

Salah satu alat, bukan alat yang satu-satunya.

Kalau saudara tidak mahu menyampaikan seruan dan ketetapan hukum-hukum ALlah di atas, kerana perhitungan politik, ketahuilah, berpolitik yang sedemikian itulah yang dikutuk oleh Syaikh Muhammad Abduh dengan kata-katanya yang berbunyi:

"ALlah melaknati politik yang seumpama itu".

Jangan takut kepada ejekan manusia atau cacian manusia.

Jangan pula harapkan pujian dan sanjungan manusia.

Hari ini saudara dipujinya, besuk saudara dimakinya.

Hendaklah takut kepada ALlah, berkenaan urusan manusia; jangan takut kepada manusia tentang urusan ALlah!

Begitulah wasiat 'Umar ibnul Khattab kepada kaum Muslimin.

Ada orang berpendapat, kalau kita sekarang berpahit-pahit, tajam dan keras, secara terus terang menyampaikan hukum dan ketentuan-ketentuan ALlah di atas, nanti manusia dan golongan yang tidak berfahaman Islam — tetapi simpati kepada perjuangan Islam akan lari dari memberikan undinya dalam pilihan raya umum kepada golongan lain, parti lain.

Kita jawab: Dengan tidak mengurangkan harapan dan seruan kepada manusia Malaysia yang tidak ber'aqidah Islam atau beragama Islam, supaya ikut membantu

menangnya ummat Islam (Parti Islam) dalam pilihanraya umum yang akan datang; Islam yang akan menjamin hidup dan kehidupan mereka dalam negara ini, kita menyatakan dengan terus-terang kepada kaum Muslimin bahawa kemenangan Islam yang akan kita rebut, haruslah hasil tenaga, pengurbanan dan perjuangan ummat Islam sendiri.

Negara keredhaan Ilahi yang kita tuju dengan perjuangan itu haruslah dibentuk oleh tangan ummat Islam sendiri. Barulah kemenangan itu kemenangan yang sejati dan hakiki.

Kalau lantaran itu kita tidak menang, biarlah!

Memang, bukan kemenangan yang palsu itu yang kita kejar. Pendeknya dan sekarang kita harus berpahit-pahit, berterus terang, menyatakan yang haq dan benar.

Dan sekarang kita menegakkan ajaran dan hukum ALlah, dengan lisan dan mulut, dengan huruf dan tulisan.

Dengan jalan yang demikian itu, biarlah ALlah menjatuhkan keputusannya — dengan perantaraan pilihanraya yang akan datang ini akan teranglah siapa dan golongan mana, keyakinan dan dasar apa yang berhak hidup dalam masyarakat Malaysia ini:

> *".tetapi, agar supaya ALlah menjadikan suatu perkara yang harus kejadian, supaya yang harus binasa, binasa lah dengan tanda yang terang; dan yang harus hidup, hidup-hiduplah dengan tanda yang terang. Sesungguhnya ALlah Maha Mendengarlagi Maha Mengetahui".*
>
> (Surah al-Anfal: Ayat 42)

Pendeknya, jikalau kita berpahit-pahit dan berterus-terang mengatakan yang haq, mengatakan kebenaran dan Tuhan, menyebabkan orang banyak dan suara atau undi lari dan kita dalam pilihanraya umum, dan menyebabkan kita kalah (Na'uzibiLlahi min Dzalik!): — dan akibat kekalahan itu akan menjadilah pukulan dan ajaran bagi kita, di mana kita selama ini hanya mabuk dan megah dengan jumlah yang besar, mendabik dada bahawa ummat Islam besar jumlahnya, atau kita ramai penyokong, ramai yang bersimpati kepada kita.

Menjadilah peningatan dan pengajaran maha-berharga bagi kita, bahawa selama ini kita hanya tenggelam dalam angka-jumlah yang ramai, tenggelam dalam kuantiti.

Tidak memperhatikan isi dan kualiti.

Akan tetapi kita berkeyakinan, dengan keberanian mengatakan yang haq, mengemukakan kebenaran dan Tuhan, menyampaikan hukum dan ajaran al-Qur'an serta hadith — walaubagaimana pahit sekalipun — Insya' ALlah akan menjadi wasilah, daya penarik kaum Muslimin supaya kembali kepada jalan yang benar, jalan yang diredhai oleh ALlah Subhanahu wa Ta'ala.

Kita berkeyakinan, justru dengan mengemukakan pririsip prinsip yang pahit dan tajam, seperti di atas, 'jantung ummat Islam akan berdenyut kembali', hijrah dari jalan yang sesat kepada jalan yang benar, jalan yang haq lagi diredhai ALlah.

Kita percaya, di mana sahaja ummat Islam berada, pangkat apa sahaja yang disandang mereka, lapangan apa sahaja yang di hadapinya, panggilan batinnya sendiri akan menghelanya pulang ke rumahnya, kembali kepada titik-persamaan, dan garis pertemuan, jalan 'Kalimatun Tayyibah'; sesuai dengan sumpah dan **syahadah**nya, sesuai dengan iman dan tauhidnya.

Kalimatun Tayyibah, Kalimah Tauhid, itulah titik pertemuan dan garis persamaan ummat Muslimin seluruhnya.

Dan hanya untuk Kalimah itu sahajalah kita berjuang, sebagai seorang Muslim, merebut kemenangan dalam pilihanraya umum yang mendatang itu.

6. PERLEMBAGAAN MALAYSIA

Pilihanraya umum adalah untuk membentuk perlembagaan; membentuk Dewan Pembuat Undang-undang Dasar yang baru, menggantikan dasar negara yang ada sekarang.

Perlembagaan yang ada sekarang, dibentuk dan dirumus oleh penjajah, oleh Suruhanjaya Reid, kafir laknatullah.

Tujuannya tidak lain, menyesat dan memurtadkan ummat Muslimin:

"...dan mereka sentiasa mernerangi karnu, hinggalah mereka dapat memalingkan karnu dan agarna karnu — sekuasa yang termampu ojeh mereka."

(Surah al-Baqarah: Ayat 217)

"Sesungguhnya, jika mereka berkuasa ke atas karnu; mereka akan rejam kamu, atau mereka akan kembalikan kamu ke dalam agama mereka..."

(Surah al-Kahfi: Ayat 20)

Sesungguhnya golongan kafirin sentiasa memerangi kaum Muslimin. Tiada detik mereka itu berdiam diri, segala gerak-kerja mereka adalah bercita-cita menghancurkan Islam dan umatnya.

Mereka melaksana dan merancangkan program penjajahan, tidak lain dan tidak bukan untuk menghancurkan Islam; tiada siapa yang berani menafikan hal ini.

Kini program tersebut telah berakhir; mereka tidak lagi berupaya dengan program tersebut kerana ditentang oleh kaum Muslimin. Mereka tidak berupaya menghadapi senjata 'iman' yang bersarang di dada Mu'min. Lantas mereka merubah strategi, merubah corak penentangan dengan memisah dan menghancurkan iman yang kental itu dan terus bersebati di dada Mu'min. Mereka memasukkan faham dan ideologi; dasar dan peraturan; yang bilamana dipatuhi dan diredhai, akan tercabutlah iman Mu'min.

Sekarang, mereka telah dan sedang berusaha memurtadkan kaum Muslimin, dengan perlembagaan yang dicipta reka oleh mereka.

Sudah berapa ramai para Mu'min yang murtad dan agama mereka? Ya! dengan penguasaan mereka, penjajahan yang dilakukan itu mereka telah berkuasa ke atas kamu. Mereka telah merejam kamu dengan peraturan.-peraturan kufur, hingga 'aqidah kamu mati kerananya. Mereka telah membunuh kamu, teta pi bukan jasad kamu yang mati, bahkan hati, jiwa dan 'aqidah kamu yang mati. Benarlah ALlah menegaskan: "jiwa mereka berkuasa atas kamu mereka akan merejam kamu", kini 'aqidah kaum Muslimin ramai yang mati, dan ramai pula yang mengikuti agama kufur.

Mereka telah mengikuti perlembagaan kufur, lantas mereka menjadi kafir. Hukum ini tegas, tiada tolak ansur. Hadith Rasul menjelaskan sebagai berikut, ketikamana mentafsirkan ayat:

"Mereka itu telah mengambil paderi-paderi dan pendeta-pendeta mereka sebagai tuhan-tuhan selain ALlah."

(Surah al-Taubah: Ayat 31)

Berkata 'Adi bin Hatim al-Ta'ie: "Wahai RasuluLlah! Kami tidak menyembah paderi-paderi dan pendeta-pendeta kami!"

Lalu dijawab oleh RasuluLlah s.a.w.:

"Bahkan! mereka itu menghalalkan apa-apa yang diharamkan ALlah, dan mengharamkan apa-apa yang dihalalkan ALlah, lalu kamu semua menta 'ati mereka!"

‘Adi menjawab: “Memang benar! itulah yang dilakukan!” Rasul menjawab: “Itulah yang dinamakan sebagai ‘**menyembah**’ mereka”.

Tiada kesamaran lagi, hadith riwayat Tirmidhi dan al-Baihaqi di atas menghukumkan sesat sesiapa sahaja yang menenima peraturan yang bertentangan dengan hukum ALlah.

Jika mereka ta’at kepada peraturan itu, bererti mereka telah menyembahnya, mereka telah bertuhankan kepada peraturan tersebut, sedangkan mereka hanya wajib menyembah ALlah dan haram mempersekutukanNya dengan sesuatu apa jua pun.

Kita peringatkan kepada kaum Muslimin, yang ada iman bersama mereka, kalau kamu mahu selamatkan iman kamu, haramkanlah diri kamu dan menta’ati peraturan dan perlembagaan kufur itu. Kalau tidak kamu bukan dan kalangan Mu’minin, kamu telah melepaskan ikatan pengabdian diri kamu kepada ALlah!

Itulah perlembagaan yang menipu kamu Muslimin, menyesatkan kamu Muslimin. Meskipun di dalamnya termaktub “**Islam sebagai agama rasmi**”. Perletakan itu hanyalah menurut nafsu tipu golongan kafir, untuk melalaikan ummat Muslimin. Tafsiran rasmi yang tidak ada prinsip, kosong dengan dasar. Rasmi pada lidah musuh-musuh durjana, supaya Muslimin semuanya tidur dan lalai, tidak menentang kekufuran.

Itulah kehendak penjajah laknat; kini mereka telah pergi, meninggalkan pusaka istilah “**rasmi**” itu. Ia kini dipakai dan di puja oleh penjajah baru, penjajah keturunan.

Kalimat rasmi diucapkan, tapi tangan dan kakinya menampar, menumbuk dan menerajang undang-undang Islam. Lidahnya mengucapkan “**Islam sebagai agama rasmi**”; tapi mereka jugalah yang menentang perlaksanaan hukum agama rasmi itu. Pendeknya, istilah rasmi yang dipakai sekarang adalah topeng penjajah baru, penjajah warisan, supaya orang tidak kenal.

Agama rasmi negara yang dimaktubkan itu kabur dan hampa. Kosong tiada erti sama sekali. Hanya parti yang kabur dan orang-orang yang jahil sahaja mempertahankan jenis istilah rasmi yang dipakai sekarang. Hanya seorang yang sesat dan bejat imannya sahaja yang berpendirian — bahawa kita tidak payah menukar pegangan baru kerana telah merasa cukup dengan perlembagaan dan istilah yang ada.

Hanya seorang Abu Lahab Malaysia moden sahaja yang berani berkata bahawa sesiapa yang tidak menghormati “**Islam sebagai agama rasmi**” — sebagai pengkhianat.

Hanya orang dan parti yang fikiran dan ruhaninya berkarat dengan ajaran jahiliyyah kafir sahajalah yang mempertahankan istilah topeng penuh tipu daya itu. Hanya parti dan golongan yang penuh dengan sifat-sifat munafiq sahajalah yang mempertahankan perlembagaan terkutuk di sisi ALlah itu. Pendeknya hanya manusia yang tidak siuman sahaja yang menyokong dan memuja perlembagaan tersebut.

Janganlah saudara mengharapkan kemakmuran, kesejahteraan dan keharmoni dan keberkatan melimpah dalam negara yang semacam ini daripada ALlah, kerana dasarnya penuh berisi dengan kemunafiqan, kemunkaran dan berpedomankan kepada ajaran jahiliyyah moden; agama baru abad kedua puluh ini, tuhan palsu abad atom!

Kemunafiqan, tidak ada pendirian, tiada dasar yang tegas, tidak ada keyakinan yang jelas:

> *“Mereka itu (orang munafiq), sentiasa dalam keraguan, antara kafir dengan iman, tidak masuk ke dalam golongan orang-orang kafir dan tiada pula ke dalam golongan kaum Muslirnin. Sesiapa yang disesatkan ALlah, tiadalah bagi engkau (wahai Muhammad) jalan untuk menunjukinya”.*
>
> (Surah al-Nisa’: Ayat 143)

Sekali lagi kita tegaskan.

Hanya orang yang munafiq sahajalah yang sudah merasa puas dengan istilah **rasmi** dalam perlembagaan yang kosong ertinya itu.

Orang yang berkeyakinan, yang ada ‘aqidah, ada dasar, ada kepercayaan, yang mempunyai kesungguhan hidup, sekali-kali tidak mungkin redha dengan dasar yang jahiliyyah dan kabur itu, sekali-kali tidak bersetuju dengan dasar yang samar tiada gambaran yang nyata.

Orang yang berkeyakinan akan jelas kepada mereka apa yang hendak dibangunkan. Orang yang ber’ aqidah akan jelas apa yang hendak diruntuhkan, dan apa yang hendak ditegaskan.

Bagi kaum Muslimin, yang berkitabkan aI-Qur’an, bersendikan hadith, yang berkeyakinan dan ber’aqidah, jelas serta tegas apa yang hendak diruntuhkan, jelas serta tegas pula apa yang hendak dibangunkan.

Jelas apa yang hendak direbahkan, apa yang hendak ditegakkan.

Terang kema’ siatan dan kemunkaran yang hendak diperangi dan dibasmi.

Terang pula keutamaan dan kebaikan (ma’ruf) yang hendak ditegakkan.

Sekali lagi ditegaskan.

Hanya orang yang sudah hilang pegangan dan pedoman, hanya orang yang sudah ketiadaan iman dan Islamnya sahaja yang sudah merasa puas dengan ‘istilah’ tersebut — yang ada dalam perlembagaan.

7. UNTUK APA MENANG?

Perjuangan dalam pilihanraya umum ertinya perjuangan merebut kekuasaan. Merebut kekuasaan politik, kekuasaan negara.

Masing-masing golongan, masing-masing parti menyusun kekuatan tenaga dan daya, supaya menang dalam pilihanraya umum, dapat merebut kekuasaan politik di Malaysia.

Supaya teori politik, teori ideologi, teori hukum, keyakinan dan pendirian hidup dapat dilaksanakan dalam masyarakat bila mereka berkuasa.

Sebaliknya segala cita-cita, segala keyakinan dan ideologi, teori dan pandangan hidup tidak berlaku dalam kehidupan masyarakat, jikalau kekuasaan politik tidak ada.

Hukum di atas berlaku bagi setiap teori dan ideologi, berlaku dalam segala zaman dan masa.

Di fasal yang lalu, telah pun kita tegaskan, bahawa membentuk negara Islam wajib hukumnya; kerana hanya dalam negara Islam itu sahajalah dapat dilaksanakan hukum-hukum ALlah dan RasulNya.

Dengan itu, berjuang merebut kemenangan dalam pilihan raya untuk menegakkan hukum-hukum ALlah dan RasulNya itu hukumnya juga wajib.

Qa'idah syara' menetapkan:

> *"Sesuatu perkara yang wajib hukumnya, tidak dapat sempurna kecuali dengan hal tadi, maka hukurnnya juga adalah wajib".*

Al-Qur'an dan al-Hadith tidak mempunyai kaki dan tangan, yang dapat berjalan sendiri. Ia menghendaki kekuatan dan kekuasaan, menghendaki kekuasaan memerintah, kekuasaan politik.

*Sayyidina 'Uthman pernah mengungkapkan:

> *"Sesungguhnya ALlah akan memelihara dengan kekuasaan pernerintah, apa yang tidak (dapat) dipegang dengan al-Qur'an sahaja'*

* Penulis asal ('Isa Ansory), menisbahkan ungkapan ini sebagai hadith, beliau menyandarkannya kepada riwayat Ibnu Kathir. Setahu saya (editor), ungkapan ini adalah ucapan Sayyidina 'Uthman bin Affan. Lihat penjelasan Ustaz Sa'id Hawwa, dalam JunduLlah Thaqafah wa Akhlaqan, (Bayrut: as-Syarikah al-Mut tahidah lit Tauzi', 1974), hal. 276.

Maka kewajipan mutlak bagi kaum Muslimin adalah berjuang supaya mereka mempunyai kekuasaan negara, mempunyai 'Daulah al-Islamiyah', mempunyai Islam (Khalifah) yang mereka pilih sendiri, sesuai dengan syarat dan ukuran yang ditetapkan oleh al-Qur'an dan al-Hadith.

Kewajipan mendirikan Imam telah diterangkan dalam ha dith. Sabda Nabi s.'aw.:

> *"Sesiapa yang mati, sedang ia belum melakukan bai 'ah (kepada Imam), maka ia mati dalarn keadaan jahiliyyah".*
>
> (Muslim)

Imam yang dimaksudkan di sini adalah Imamul 'Am, Ketua Negara, Khalifah atau Amirul Mu'minin yang dipilih oleh kaum Muslimin, menurut ketetapan al-Qur'an dan as-Sunnah. Imam atau Ketua Negara yang di bai'at oleh kaum Muslimin, yang akan memimpin kaum Muslimin pada jalan ALlah dan RasulNya.

Imam atau Kepala Negara yang dimaksudkan oleh hadith di atas tidak mungkin ada, kalau ummat Islam tidak mempunyai negara atau memegang kekuasaan negara.

Begitu tegas hadith menjelaskan, barangsiapa yang mati, padahal tiada mempunyai Imam (belum menegakkan negara yang terlaksana di dalamnya hukum-hukum ALlah) — maka matinya itu adalah mati jahiliyyah, mati dalam keadaan kebiadaban dan kegelapan. Ummat yang tidak ada Imam, adalah ummat yang tidak ada pimpinan, ummat liar yang tidak ada pengembala...

Sedangkan ummat Islam adalah sebaik-baik ummat, seperti mana yang dinyatakan oleh ALlah:

> *"Karnu adalah sebaik-baik urnmat yang dibangkitkan untuk seluruh manusia; kamu rnenyeru manusia kepa da yang ma'ruf, mencegah manusia dan rnelakukan munkar".*
>
> (Surah al-'Imran: Ayat 110)

Khaira Ummah,

Sebaik-baik Ummah.

Ummat yang terbaik, ummat pilihan, yang mempunyai Imam, mempunyai Ketua Negara atau pemimpin, dan ummat itu sendiri merupakan ma'mum, yang berdiri bersaf-saf di belakang Imam.

Jalinan dan kesatuan antara Imam dan Ma'mum, keta'atan ma'mum kepada Imam, pimpinan yang benar dan haq dan Imam kepada ma'mum — itulah syarat mutlak bagi ummat yang baik, yang telah dinyatakan oleh al-Qur'an.

Paduan dan kesatuan antara Imam dan ummat-ma'mum, su sunan kekuatan yang dibangunkan oleh ma'mum (umat) dengan Imam yang mereka pilih sendiri (minkum!), itulah alat perlengkapan kaum muslimin — guna menegakkan yang ma'ruf dan memerangi yang munkar.

Ummat yang tidak mempunyai Imam, digambarkan dalam hadith adalah seperti manusia jahiliyyah, ummat yang rendah, hina, tempat berpijaknya segala kaki manusia.

Ummat yang tidak mempunyai Imam, tidak mempunyai kekuasaan dalam negara, bahkan tidak mempunyai negara dalam ertikata yang sejati dan hakiki, itulah ummat yang menjadi mainan manusia di dunia.

Manusia hina yang hanya mengenal kewajipan, tapi tidak mempunyai hak. Ummat yang demikian itu kedudukannya di dunia hanya menjadi kuda-tunggangan orang lain, pembawa beban yang dipikulkan ke belakangnya oleh orang lain, bukan bebannya sendiri; beban penjajah bentuk baru.

Nasib ummat yang sedemikian itu, tidak lebih dan nasib bangsa haiwan, keldai atau kerbau, dihalau ke kiri dan ke kanan, dipakai tenaga setiap hari.

Tidak lebih nasibnya dan **sapi perahan**, yang menyediakan hidupnya untuk keuntungan manusia yang memilikinya.

Begitulah nasibnya ummat Islam seluruh dunia dalam sejarah yang panjang, abad berganti abad, generasi berganti generasi, angkatan demi angkatan.

Apakah kedudukan, status dan posisi yang seperti itu sesuai dengan maksud Tuhan menciptakan kita di muka bumiNya?

Apakah status, kedudukan dan posisi yang sedemikian itu, sesuai dengan kedudukan ummat Muhammad, umat pilihan yang diberi tugas oleh ALlah seperti yang disebutkan dalam al-Qur'an:

“Wahai orang-orang yang beriman! ruku‘lah dan sujud lah, ‘abdikanlah diri kepada Tuhanmu, perbuatlah kebajikan; mudah-mudahan kamu mendapat kemenangan. Dan berjuanglah kamu meninggikan Kalimat ALlah dengan jihad yang sebenar-benarnya, Dia telah memilih kamu (untuk berjihad pada jalanNya), tiada di jadikanNya dalam agama ini kesempitan, Ia seperti agama bapamu Ibrahim. Dia menamakan kamu Muslimin, dahulunya dan waktu kini, supaya boleh Rasul itu boleh menjadi saksi buatmu dan kamu menjadi saksi pula atas man usia. Maka kerjakanlah sembahyang, dan keluarkanlah zakat. Berpegang teguhlah kamu dengan ALlah; Dia yang memimpin kamu dan Dialah yang sebalk-baik pemimpin, dan Dialah sebaik-baik penolong”.

(Surah al-Haj: Ayat 77—78)

“Kami (ALlah) menjadikan kamu khalifah di muka bumi”.

(Surah Yunus: Ayat 14)

Khalifah atau wakil Tuhan — adalah untuk menjaga dan memelihara agama.

FirmanNya lagi:

Khalifah atau wakil Tuhan untuk menegakkan hukum Allah.

Khalifah atau wakil Tuhan untuk mengatur, menyelamatkan dunia dan perbuatan-perbuatan kaum yang fasiq dan durhaka.

Menjaga keselamatan bumi ALlah dan setiap noda dan bencana, kerosakan dan kebinasaan.

Dengarlah janji ALlah dalam al-Qur’an:

“Janji yang pasti dan ALlah kepada orang-orang yang beriman dan melakukan ‘amal soleh, bahawa dengan sesungguhnya mereka akan dijadikan kha]ifah di bumi sepertimana jabatan khalifah itu diberikan kepada umat sebelum mereka. Dan diteguhkan bagi mereka agama mereka yang diredhai oleh ALlah, dan diberi pertolongan kepada mereka selepas dan ketakutan itu dengan keamanan; mereka menyembahKu dan tidak mempersekutukan Aku dengan sesuatu apa pun. Barangsiapa yang kafir sesudah itu; maka mereka itulah orang orang yang fasiq”.

(Surah al-Nur: Ayat 55)

Janji Tuhan di atas mengandungi tiga perkara:

1. Menjadi khalifah.

2. Kemenangan yang tetap bagi agama.

3. Kehidupan yang berbahagia dan bercahaya (aman damai).

Menjadi khalifah, memegang kekuasaan, adalah menjadi syarat mutlak bagi kemenangan yang tetap kepada agama dan hidup berbahagia.

Satu sama lain tidak boleh berpisah atau bercerai.

Kemenangan yang tetap bagi agama tidak akan diperolehi, jikalau umat Islam tidak memegang kekuasaan dalam negara.

Hidup berbahagia dan bercahaya tidak akan diperolehi sekiranya tidak ada kemenangan yang tetap bagi agama:

“Tiada kemuliaan, kehormatan, kebesaran dan keluhuran kecuali dengan Islam.”

Menggunakan ajaran Islam dalam diri dan masyarakat. Mencari dan berusaha supaya ummat Islam sampai ke tingkat khali fah, golongan yang berkuasa di muka bumi (tanah air), itulah tingkat pertama dan jihad kaum Muslimin. Itulah yang dituju dan pilihanraya umum bagi kaum Muslimin. Kita merebut kemenangan dalam pilihanraya umum, merebut kekuasaan dalam negara.

Akan tetapi bagi kaum Muslimin, kekuasaan bukan untuk kekuasaan, kekuasaan bukan untuk menindas golongan kecil dan lemah (minoriti); seperti yang diramalkan dengan hasutan dan fitnah oleh golongan yang anti Islam sejak akhir-akhir ini.

Kekuasaan bagi kaum Muslimin adalah untuk melindungi kaum yang lemah; mengangkatnya ke martabat hidup yang layak bagi manusia, dalam erti dan makna yang sebenar-benarnya.

Kekuasaan bagi kaum Muslimin adalab untuk memberikan sebesar-besar manfa'at serta rahmat dan kebaikan bagi seluruh 'alam:

> *"Dan tidaklah Kami mengutuskan kamu (wahai Muhammad) melainkan untuk membawa rahmat kepada seluruh 'alam".*
>
> (Surah al-Anbiya': Ayat 107)

Rahmat bagi segenap 'alam, bukan la'nat, pembawa sengketa dan bencana, golongan yang ditakuti dan dicurigai oleh manusia.

Akan tetapi, 'rahmatan lii 'alamin', bukannya dalam pandangar Abu Lahab dan Abu Jahal atau Abdullah bin Ubay.

'Rahmatan lii 'Alamin' dalam pandangan ALlah dan Rasul Nya.

Bukan pandangan nafsu dan otak-benak manusia.

Bukan menurut pandangan kepala kafir dan musyrik, fasiq dan munafiq, manusia durjana bermuka dua.

Kita merebut menang hanyalah untuk itu, bukan untuk lainnya. Dengan jalan itu kita hendak menciptakan sebesar-besar kemakmuran dan kebahagiaan di dalam masyarakat. Kita mencari menang, merebut kemenangan dalam pilihanraya umum yang akan datang, untuk menjawab pertanyaan dan panggilan ALlah dalam al-Qur'an:

> *"Mengapa kamu tidak suka berjuang pada Jalan ALlah, membela agama ALlah, menegakkan hukum ALlah, dan mempertahankan hak orang-orang yang lemah, iaitu yang terdiri dan orang-orang lelaki, perempuan dan kanak-kanak yang tertindas. Mereka itu berdo 'a kepada ALlah: "Wahai Tuhan kami! hindarkanlah kami dan negeri yang zalim (pemenintahannya ini) dan berikanlah kepada kami dan sisimu seorang pelindung, berilah kepada kami dan sisiMu seorang penolong".*

Kita hendak menciptakan susunan hidup yang makmur, bahagia dan bercahaya. Masyarakat yang 'adil; segenap anggotanya merasai kurniaan Ilahi; negara makmur yang segenap warganya meni'mati rezqi dan membahagi rezqi dan ALlah, menegakkan sistem perekonomian keTuhanan, melaksanakan ke'adilan menurut Tuhan, kemakmuran menurut Tuhan:

> *"Makanlah rezqi dan Tuhan kamu dan bersyukunlah kepadaNya. Negara yang berkebajikan, penuh dengan keampunan Ilahi Rabbi".*
>
> (Surah Saba': Ayat 15)

Negara yang makmur, rakyatnya pandai bersyukur.

Negara berkebajikan, penuh dengan ampunan Tuhan.

Negara yang di dalamnya tidak ada penindasan, penindas dan yang tertindas. .

“Tidak boleh membuat mudarat dan tidak boleh memudaratkan”.

“Qa’idah ini diambil dan hadith. Tidak boleh membuat mudarat dan tidak boleh memudaratkan dalam Islam”. Hadith riwayat Ahmad dan Ibnu Majah.

Ertinya, tidak menindas dan tidak ditindas. Tidak ada pemerasan, dan tidak ada yang diperas. Itulah qa’idah hidup kaum Muslimin, baik dalam masyarakat kecil, maupun dalam masyarakat besar (negara).

‘Baldatun Tayyibah’, Negara Berkebajikan, itulah tujuan kaum Muslimin dengan apa yang mereka namakan sebagai Negara Islam.

Negara yang berkemakmuran, tetapi tidak ada kemaksiatan dan kemunkaran. Tiada fasad dan kedurjanaan.

Dalam **negara tayyibah** yang demikian itu, kita akan mewujudkan keseimbangan antara “bak dan kewajiban” dan segenap rakyat. Di atas dasar keseimbangan serta harmoni itulah umniat Islam akan menyelamatkan hidup kemaknusiaan ini.

Untuk itulab kaum Muslimin wajib berjuang, merebut kemenangan dalam pilihanraya umum akan datang.

Untuk itulah kita sentiasa menyeru kaum Muslimin dengan ucapan yang sentiasa kita dengar dan menara mesjid, ucapan seorang mu’azzin:

“Marilah merebut kemenangan!”

8. BUKAN LAMPU ALADIN...

Demi ALlah segala apa yang kita kemukakan dan awal karangan ini bukanlah hasutan agama atau hasutan politik Islam.

Kita membawakan ayat-ayat al-Qur'an dan al-hadith, kerana itulah hukum dan ketentuan yang wajib dita'ati oleh kaum Mus limin.

Kaum Muslimin wajib ta'at, ruku' dan sujud terhadap ketentuan dan ketetapan al-Qur'an, ajaran agamanya.

Akan tetapi satu perkara yang perlu kita peringatkan dan sekarang, terutama umat yang kita seru dengan ajakan ini; janganlah menyangka, bahawa semua ketentuan dan hukum-hukum ALlah yang kita gariskan di atas, akan sekali gus terlaksana, demi setelah umat Islam mendapat kemenangan dalam pilihanraya umum nanti.

Bukan sahaja bagi ummat Islam, bahkan golongan parti lain pun, sekiranya mereka menang dalam pilihanraya umum, tidaklah mungkin mereka akan sekali-lantas meiaksanakan konsepsi ideologi kenegaraan mereka. Segala harapan yang sedemikian itu hendaklah dilenyapkan dari sekarang:

"Harapan jangan ter besar, agar kecewa kelak tidak terlalu besar"

Ucapan penuh hikmah itu kita perdengarkàn sekali lagi di sini, khususnya kepada ummat Islam di Malaysia.

Pilihanraya umum yang akan datang atau lebih tegas lagi, kemenangan ummat Islam (insya' ALlah) — dalam pilihanraya itu —janganlah dianggap sebagai 'Lampu Aladin', yang memili ki kuasa sakti (ajaib); mampu menciptakan sega bila digosok.

Kemenangan dalam pilihanraya umum, jangan dihargakan dan diberi nilai yang bukan-bukan, sehingga ummat Islam dengan megah dapat berkata kepada dunia sekeliling: "**kun fayakun!"**

Daripada tenggelam dalam lautan **fantasi** dan **tamanni** itu, lebih baik kita memahamkan secara nyata akan kemungkinan kemungkinan baru setelah berpilihanraya umum itu nanti.

Perlu kita sedari, bahawa, kita nantinya pasti akan mendaki **gunung 'aqabah** (gunung rintangan), mendaki bukit kesulitan, menghadapi badai dan gelombang besar di tengah-tengah samu dera-raya perjuangan kenegaraan. Memang! hakikat itu sudah pasti!

Bagi golongan dan parti yang bukan Islam, juga sama hal keadaannya. Bahkan siapa sahaja pun yang menang dalam pilihanraya umum, dia akan menempuh ujian yang besar dalam ke hidupan dan kesungguhannya. Ia akan menghadapi persoalan persoalan baru yang tumbuh sebagai akibat dan pergolakan masyarakat dan negara.

Pilihanraya bererti baru maju selangkah dalam hidup-kenegaraan kita, tetapi pasti ia akan mempengaruhi jalan sejarah Malaysia di masa yang mendatang.

Bagi kita kaum Muslimin, kemenangan dalam pilihanraya umum (insya' ALlah), adalah permulaan Jihad Akbar dengan pengertian mendapatkan pengkalan baru dalam penjalanan cita-cita kita. Ia bukanlah babak yang terakhir dari segala pentandingan menebut kemenangan, tetapi pangkal permulaan dari suatu penjuangan besar kita.

Ia adalah satu jalan yang harus ditempuh mempenjuangkan cita-cita agama, juga dasar kenegaraan kita. Bukan jalan yang satu-satunya. Ia adalah kesempatan dan kemungkinan yang diberikan sejarah kepada kita, yang harus pula kita pakai sebaik-baiknya sebagai penyesuaian dan **khittah** perjuangan yang kita pilih sendiri. Untuk itu

kita harus pandai, cekap dan cukup meny suaikan jalan perjuangan, dengan taraf-tingkat zaman yang kita hadapi; dengan tidak lengah dan lalai sedikit jua pun.

Barangsiapa yang mengira bahawa akan selesailah babak pertandingan merebut kemenangan dalam pilihanraya umum yang akan datang, ia tidak mengerti 'alifbata' evolusi masyarakat, dan tidak mampu memahamkan hukum qudrat dan sunnah penjalanan 'alam besar, yang bergerak teratur menurut hukum ketentuan yang pasti berlaku bagi seluruh ummat di segala masa dan ketika.

Lapangan perjuangan dalam Islam tidak terbatas sampai di situ. Bagi kita ummat Islam… **jalan masih panjang, rantau masih jauh**. Jalan panjang yang membentang daripada mendatar itu, lebih banyak liku dan beloknya dan yang lurusnya.

Lautan perjuangan yang harus kita renangi nanti (setelah pilihanraya umum), bukanlah tenang; tidak beriak-gelombang, tetapi penuh dengan badai dan taufan yang menggulung serta me mukul kapal kita.

Kesedaran dan keinsafan di atas segalanya itu, perlu dan wajar kita miliki dari sekarang, agar kita tidak kecewa akhirnya; supaya kita tidak merasa **kehilangan setelah mendapat**.

Dalam melakukan kempen pilihanraya umum, kita jangan terlalu telebih-lebih memberikan janji dan hanapan yang gilang gemilang kepada rakyat sebagai alasan politik sekadan pemikat hati orang banyak. Rakyat sudah terlalu banyak mendengar janji janji yang tinggi, tenutama di kala negara sedang menghadapi kesukaran dan kemelesetan. Para pemimpin memanggil rakyat supaya berkorban mengatasi kesulitan dan kesukaran itu; tetapi sesudah itu, janji hanya tinggal janji, hanapan tinggal menjadi kenangan dan ingatan. Nasib rakyat tetap tidak berubah.

Daripada menjanjikan hanapan-gemilang dan keuntungan yang cepat; lebih baik kita memberikan pengertian dan didikan yang sewajarnya tentang beberapa kemungkinan yang bakal kita hadapi. Lebih baik kita mendidik rakyat Islam, agar mereka insaf dan berwaspada terhadap ajaran-ajaran agama, terhadap hukum-hakam ALlah yang mereka penjuangkan dalam masa yang panjang; agar meneka menyusun banisan kekuatan penjuangan dengan nafas yang panjang pula.

Lebih baik kita menggambarkan yang pahit dan sulit, dan pada melukiskan keindahan dan kecemerlangan yang belum pasti mungkin kita capai dan jangkau dengan kekuatan yang ada sekarang.

Walau bagaimana sulit dan pahitnya masa depan itu, kita umat Islam wajib menghadapinya dengan semangat yang menyala dan harapan yang besar; penuh taqwa dan tawakkal.

Dengan kepala tegak dan jiwa besar, kita harus menempuh hutan belantara dan rimba-raya; dengan tekad yang bulat dan iman yang teguh kita harus mengharungi segala karang dan rintangan, menuju pulau-harapan dan pantai idaman: "*Balda tun Tayyibatun wa Rabbun Gha fur*".

Kawan-kawan Muslimin yang seiman dan seperjuangan, yang kini sedang menghadapi kejadian penting dalam sejarah (pilihanraya) hendaklah menajamkan segalanya itu terlebih dahulu, agar perjuangan kita kehadapan mempunyai masa depan yang terang, gambaran kemungkinan yang nyata. Dengan seluruh semangat, dengan segenap kekuatan dan kesanggupan, dengan tekad pengorbanan yang maksima, kita wajib menyusun ummat menghadapi pilihanraya umum, merebut kemenangan.

Pun begitu, kita wajib pula memberi penerangan dan didikan yang mendalam kepada umat, agar mereka tidak menggantungkan seluruh harapannya kepada kemenangan pilihan raya umum, menganggap pilihanraya itu sebagai 'lampu ala- din'..

Yang paling penting kepada kita, dan segala yang penting, ialah memelihara kemenangan itu agar memiliki kemenangan, menggunakan kemenangan itu untuk sebesar-besar manfa'at dan guna bagi perikemanusiaan, menegakkan hukum Ilahi untuk menyelamatkan dunia dan kemanusiaan seluruhnya.

Memelihara kemenangan, memiliki kemenangan, menggunakan kemenangan, meminta kesungguhan hidup dan ketabahan hati meneruskan perjalanan cita-cita, dengan tata-tertib kehidupan dan tata-tertib perjuangan.

Kemenangan dalam pilihanraya umum, jangan dianggap 'lampu aladin'. Tetapi terbukanya kemungkinan baru, lapangan dan pengkalan perjuangan yang baru bagi kita, untuk menuju ke depan sebagai putera-patriot yang membawa dan mengibarkan panji-panji Risalah Ilahiyyah.

9. UMMAT ISLAM SATU JAMA'AH

Dalam bukunya 'Sebuah Manifesto" telah diterangkan keyakinan sendiri, bagaimana mestinya susunan dan bentukan perjuangan umat Islam ke dppan, di tengah-tengah lautan hidup sekarang, di mana badai dan gelombang mengamuk dengan dahsyatnya.

Telah pun diberikan peringatan kepada kaum Muslimin terutama pada pemimpinnya, bahawa tanda-tanda dan tendensinya memberikan alamat yang tidak baik dalam kehidupan perjuangan Islam sekarang, ialah bahaya perpecahan.

Di antara lain, dalam buku itu dikatakan:

"Ummat Islam sekarang terancam bahaya. Bukan bahaya dan luar, tetapi bahaya dan dalam. Semangat dan tubuh persatuan yang dipupuk dan disirami oleh para pemimpin yang telah pergi ke 'alam baqa' sekanang telah diserang penyakit yang amat berbahaya. Tanda-tendensi hidupnya telah berfirqah-firqah (berpuak-puak); kini telah menampakkan dirinya dengan wajah yang sekejam-kejamnya. Dalam fasal yang terdahulu kukatakan sebahagian pemimpin Islam sekarang tengah hanyut dan tenggelam dalam jawatan-jawatan negara, melupakan dirinya untuk melayani cita-cita dan 'aqidah Islam, melayani dan memimpin ummat Islam.

Ummat Islam berdepan dengan manusia yang mengaku beragama Islam tetapi merekalah orang paling jaguh menentang Hukum ALlah. Itulah musuh yang paling berbahaya. ——Editor.

Masing-masing dengan panji dan benderanya sendiri-sendiri, masing-masing membanggakan dirinya sendiri-sendiri:

"Setiap puak (kumpulan) berbangga dengan apa yang ada pada kumpulan mereka".

(Surah al-Rum: Ayat 32 dan Surah al-Mu'minun: Ayat 54)

Al-Qur'anul Karim menggambarkan kedudukan ummat Islam Malaysia sekarang. "Keadaan yang mengerikan itu", mengecilkan harapan dan kemungkinan hidup-teguhnya perjuangan ummat Islam di masa yang akan datang. Keadaan yang demikian menimbulkan 'pesimisme' yang beralasan.

Kita seolah-olahnya, tidak melihat titik-sinar yang memberikan harapan masa depan bagi kemungkinan perjuangan kita. Dalam pada itu pihak luar Islam bersorak-sorai, senang dan gembira menyaksikan bahaya dan bencana yang menimpa kaum Muslimin. Itulah gerangan yang mereka harapkan! Tidak kurang pula sepak-terajang dan tikaman pisau belati secara sembunyi. yang ditusuk ke arab jantung ummat Islam, supaya daya dan tenaganya hancur binasa seluruhnya. Jarum pemecah dan penghancur itu masuk satu demi satu ke dalam kalbunya; begitu pula dengan berbagai cara dan gaya. Racun berbisa itu masuk setitik-demi setitik ke dalam jantung ummat Islam. Dengan segala jalan dan siasat. Dengan segala cara dan muslihat.

Tetapi itu adalah perkara biasa dan lazim dilakukan oleh orang yang berjuang. Aku tidak menyalahkan mereka. Mereka sesungguhnya tidak akan senang, sebelum ummat Islam tidak meninggalkan agamanya, berpindah semuanya memegang dan menganut keyakinan mereka".

Di sana kita menganjurkan kepada para pemimpin Islam supaya mengadakan peninjauan kembali bagaimana corak-susun untuk membentuk kekuatan ummah serta menyatu-padukan daya-tenaga mereka menuju sebuah Masyarakat Islam.

Anjuran kita itu didasarkan kepada pokok pertimbangan:

1. Melihat kesediaan dan kerinduan ummat Islam di daerah-daerah yang akan adanya penyatuan dalam susunan dan pimpinan perjuangan Islam.

2. Menyaksikan gelagat dan alamat yang terang yang memberikan 'khusus' kepada kaum Muslimin bagaimana 'pehak sana' menyusun diri untuk menghadapi kaum Muslimin, bagaimana cara, taktik dan strateji 'mereka' menghadapi kita.

3. Kita akan menghadapi kejadian penting dalam sejarah, sa'at-sa'at besar yang akan menentukan, detik-detik sejarah yangakan memberl ' putus', seperti akan adanya pilihanraya umum.

4. Dalam kalangan kita tidak ada perbezaan yang asasi, prinsip dan asas. Tidak ada perbezaan dasar dan keyakinan. Melihat adanya faktor-faktor objektif itu, kita mempunyai alasan dan fikiran yang kuat mengemukakan seruan itu kepada para pemimpin Islam, agar mereka sudi memikirkan perlunya kesatuan tindakan dan fikrah di kalangan umat ini bagi meng hadapi kezaliman dan kekejaman sistem bukan Islam dalam memerintah kaum Muslimin. Untuk itu betapa perlunya berada dalam satu jama'ah.

Maka sa'at-sa'at besar itu telah hampir dekat waktunya, ia akan datang kepada kita membawa ujian kemampuan dan ke sanggupan kita membawa ummat maju ke depan menempuh gerbang kemenangan dalam pilihanraya umum yang akan datang.

Masing-masing organisasi Islam menyediakan tenaga dan persiapan sebaik mungkin, menghadapi sa'at besar itu.

Masing-masing kita setia sekata, sefaham dan sependapat, bahawa yang kita hadapi sekarang ini, bukanlab soal atau kepentingan organisasi, tetapi adalah persoalan dan kepentingan agama Islam.

Kita semua mengakui, prinsip dan dasar yang kita perjuangkan adalah sama. Tujuan yang kita perjuangkan adalah satu, tiada beza dan selisihnya. Tujuan perjuangan kita ialah tegaknya Islam, berlakunya hukum dan ajaran agama dalam masyarakat dan negara.

Untuk mencapai tujuan itu, kita menyusun tenaga, membangunkan organisasi, yang jumlahnya sudah terlalu banyak ini. Organisasi Islam yang sudah ada, mempunyai cara bekerja dan sistem menyusun ummat, berlainan sedikit-sedikit, antara organisasi yang satu dengan organisasi yang lain. Berlainan haluan dan irama bekerjanya, berlainan cara dan sistem yang ditempuhnya.

Ada yang liberal dalam agama, organisasinya kecil kerana liberalnya.

Ada yang radikal dalam agama, organisasinya kecil kerana radikalnya.

Ada yang mementingkan kuantiti (jumlah), mencari bilangan pengikut yang banyak, jumlah yang besar.

Ada yang mengutamakan kualiti, mencari tenaga yang tangkas, pengikut yang setia, pembela yang sejati.

Begitu dalam alam 'politik.

Ada parti politik Islam yang besar, kerana besarnya sulit untuk menegakkan kestabilan dalam organisasinya — sepertimana selayaknya sebagai satu badan yang mendakwakan dirinya parti politik. Ada parti yang tubuhnya tidak terlalu besar, tetapi kedudukannya stabil dan penyusunan ke dalam barisan itu teratur; tradisi politiknya telah lama. Akan tetapi kita semua telah mengakui, bahawa organisasi hanyalah alat, bukannya tujuan.

Organisasi (parti) hanyalah syarat, bukannya 'agama' yang tidak boleh berubah atau berganti.

Faham dan pengertian, penilaian terhadap organisasi, janganlah hendaknya dihadapi secara dogmatis dan statis, tetapi harus dengan cara dinamis dan progerasif.

Faham dan pengertian, penilaian dan penghargaan terhadap organisasi, jangan hendaknya disamakan dengan penilaian terhadap ‘aqidah dan agama.

Kepentingan dan harga agama jauh lebih tinggi dan mengatasi dan kepentingan dan harga organisasi.

Harga dan kepentingan agama, tinggi dan mengatasi dan segala harga dan nilai kepentingan apa sahaja yang kita miliki.

Sikap ruhani dan dasar berfikir yang demikian itulah terlebih dahulu harus kita pakai, sewaktu kita menghadapi persoalan perjuangan dalam pilihanraya yang mendatang.

Di atas, telah kita kemukakan, bahawa menghadapi pilihan raya yang akan datang, kepentingan agama harus kita letakkan lebih tinggi dan kepentingan organisasi.

Kepentingan agama harus diberi pilihan pertama dalam menghadapi pilihanraya.

Kalau kita suka mendengar suara-suara yang hidup di daerah-daerah dan tempat-tempat yang berlainan sekarang ini; mereka menghendaki agar ummat Islam dalam pilihanraya — yang akan datang merupakan **satu jama’ah, satu pimpinan dan satu arahan**.

Dengan jalan demikian ummat Islam akan lebih mudah melaksanakan pimpinan dan penyusunan pehak atas, lebih mudah menghadapi ‘lawan’, lebih mudah melancarkan propaganda dan penerangan.

Ummat Islam yang berada di tempat yang berbagai-bagai itu, hanya menerima satu sahaja penerangan dan pehak Islam.

Sangat sukar bagi rakyat Islam biasa menghadapi bermacam macam penerangan dan propaganda dan golongan yang berpura-pura Islam, kerana semuanya sama-sama memakai al-Qur’an dan al-Hadith; sama-sama menarik, sama-sama bagus.

Oleh sebab itu mereka menghendaki agar dalam pilihanraya ummat Islam merupakan satu jama’ah sahaja, agar suara yang akan mereka berikan bulat tidak berpecah. Dengan jalan yang sedemikian itu, kita yakin, bahawa kemenangan pasti berada di pihak mereka.

Kita mengharapkan agar jama’ah yang berbagai-bagai itu; yang mengaku dirinya jama’ah Islam, bercita-cita menegakkan Islam supaya dengan ikhlas hati mengambil inisiatif untuk sama-sama menjatuhkan taghut dan kerajaannya dalam pilihan raya.

Perkenalkanlah kepada jama’ah saudara, mana lawan yang harus dihadapi, mana kawan yang perlu diajak bekerjasama. Kalau kita tidak mampu bersatu menjadi satu jama’ah (dalam erti kata satu tindakan menentang musuh) lantaran faktor-faktor teknikal bukan prinsip (‘aqidah); maka marilah kita sama-sama berpedomankan kepada firman ALlah:

“Marilah kita berlumba-lumba mengerjakan jalan ke baikan dan kebajikan”.

(Surah al-Baqarah: Ayat 148)

Berlumba-lumba mencari kebaikan dan kebajikan untuk menegakkan hukum ALlah, bukan berlumba-lumba menjatuhkan dan menolak hukum ALlah.

Percayalah, dalam pilihanraya umum yang akan datang, kita menghadapi lawan bersama, begitu pula kita mempunyai ke pentingan bersama, memperjuangkan **kalimatuLlah**, kalimah yang sama, kita berpendapat dan berkeyakinan bahawa hendaknya ummat Islam tahu siapa lawan dan siapa kawan.

Kita juga berkeyakinan, bahawa tiada kemenangan yang satu dengan kekalahan yang lain, tiada kemegahan dan keunggulan yang satu dengan kehencuran yang lain, antara kita sesama Muslimin.

Tidak akan tinggi satu dengan kerendahan yang lain.

Tidak akan selamat yang satu dengan kebinasaan yang lain.

Sungguh! antara kita sesama kaum Muslimin; antara kita sesama kita, walau bagaimana pecah dan berbagai bentuk organisasi; walau bagaimana terpisahnya dalam berbagai jalan tujuan kita adalah tetap satu, dasar kita tetap satu.

Kita ummat tauhid, yang telah bersumpah hendak menegak kan **Kalimatun Tayyibah** itu dalam masyarakat; menegakkan **KalimatuLlahi hiyal 'ulya** dalam negara yang telah kita tebus dengan darah dan daging para syuhada' Muslimin.

Janganlah kita membakar hangus tauhid kita, hanya dengan sebab memberikan satu suara sokongan kepada jama'ah atau parti yang tidak berdasarkan Islam.

10. SERUAN PENUTUP

Lihat di sana, orang berebut ummat, menanam pengaruh sebesar mungkin.

Dengan di situ, orang menarik rakyat, mencari pengikut sebanyak mungkin.

Memberikan harapan baru kepada rakyat yang kurus kering. Memberikan janji gemilang kepada umat yang kini dalam tekanan hidup.

Mereka adalah orang yang tidak mengerti apa hubungan pilihanraya dengan kehidupan beragama dalam negara.

Mereka tidak cukup pengertian, kefahaman dan kesedaran, apa bencana bagi agama dan umat Islam, jikalau kita — ummat Islam kalah dalam pilihanraya akan datang.

Mereka masih gelap dengan persoalan yang kita hadapi kini.

Mereka sedang menderita, lahir dan batin.

Mereka dalam keadaan tertekan dan terjepit jasmani dan ru hani.

Kepadamu wahai **muballigh** dan **muballighat**, umat mengharap dan menumpahkan harapan. Mereka menunggu pimpinan dan penerangan, tidak kurang juga latihan. Mereka menantikan sinar-cahaya yang akan menunjukkan jalan.

Datangilah mereka, jangan sampai mereka dipancing oleh aliran di luar Islam. Bimbinglah mereka, jangan sampai jatuh ke jurang yang dalam lagi gelap. Jaga mereka, jangan sampai rnasuk perangkap pehak sana, pihak luar Islam. Gunakán segala kesempatan dan kemungkinan, untuk memberi penerangan dan propaganda cita-cita agama dan seluk-beluk pilihanraya.

Rumah demi rumah, keluarga demi keluarga, sejiran dan Se tetangga, sekampung sehalaman, kumpulkan mereka, gembeling mereka dengan 'sibghah' agama.

Langgar dan surau, madrasah dan mesjid... segala macam tempat dan medan pertemuan, gunakan sebaik mungkin untuk memberikan penerangan kepada rakyat.

Jangan biarkan berlalu begitu sahaja kesempatan dan kemungkinan itu. Galanglah persatuan, susunlah tenaga dan kekuatan.

Majulah ke depan, masukilah gelanggang, kibarkanlah bendera, tegakkan panji-panji. Bunyikan terompet jihad, pukul genderang perjuangan. Lelaki perempuan, tua-muda, kuat lemah, kaya miskin, muslimin dan muslimat segenapnya, membawa batu sebuah seorang guna pembinaan negara keredhaan Ilahi di Malaysia.

Jangan ada yang ketinggalan.

Jangan ada yang menompang dagu, berpangku tangan.

Jangan ada yang bersikap masa bodoh, pura-pura acuh tidak acuh.

Sikap yang demikian itu adalah dosa kepada ALlah, 'azab dan siksaan ganjarannya di hari akhirat kelak. Jangan memberi undi kepada golongan atau parti bukan perjuangan Islam, lantaran sogokan atau pemberian wang-ringgit, kerana itu adalah pengkhianatan kepada ALlah dan RasulNya, pengkhianatan kepada agama sendiri.

Jangan menjual agama dengan harga yang sedikit, kesenangan duniawi yang dekat. Jangan tertipu, jangan mahu ditipu. Jangan mahu dipujuk dan disogok, walau dengan apapun juga.

Jangan hendak berkhianat kepada perjuangan Islam, walau pun dibeli dengan harga yang banyak. Satu undi yang saudara berikan dalam pilihanraya yang akan datang, sangat besar ertinya bagi kehidupan dan pembangunan masyarakat baru yang di redhai ALlah Subhanahu wa Ta' ala.

Satu suara yang hilang dan menyeberang ke pihak sana (luar dasar Islam), bererti kurangnya satu batu buat mendirikan negara Islam di Malaysia.

Dan kehilangan satu suara itu akan dirasakan akibatnya oleh anak cucu kita turun temurun, berabad-abad.

Muslimat dan muballighat, kaum wanita seluruhnya meme gang peranan penting dalam pilihanraya umum itu nanti.

Berikan bantuan tenaga, fikiran dan keringat!

Datangi rumah demi rumah muslimin, segenap keluarga orang Islam.

Pemuda Islam angkatan baru, bergerak cepat, bersikap tang kas.

Kamu adalah barisan depan, pelopor perjuangan, mengibarkan panji-panji perjuangan.

Di tanganmulah terletaknya urusan ummat, dalam gerak dan bangkitmu bergantung kemenangan Islam.

Golongan 'ulama' **warathatul aubiya'**, penuntun umat sepanjang masa. Katamu diikut, perintahmu diturut, laranganmu dipatuh. Kamu sebenarnya yang memegang kekuasaan dalam masyarakat. Kamulah yang berhak memerintah dan melarang.

Kamulah sebenarnya markas perjuangan ummat Islam, yang memberi kata putus, yang berhak memberikan arahan kepada ummat.

Jangan dibiarkan umat mendengar dan mengikut 'jalan taghut', jalan sesat, jalan yang dimurkai ALlah Ta'ala. Tunjukkan kepada ummat, jalan yang lurus dengan fatwamu. Kerahkan ummat ke medan jihad bersama-sama, berat atau pun ringan. Fungsimu dalam masyarakat menduduki tempat yang istimewa, ibarat pohon beringin berdaun rimbun, tempat bernaung di masa panas, tempat berlindung di kala hujan.

Rumahmu tempat segala orang datang, meminta fatwa dan tuntunan. Peribadimu besar di mata umat, tempat orang bertanya, memulangkan segala perkara.

Kedudukanmu bukan kerana angkatan manusia, atau pilihan insan, bahkan: Tuhan telah memilihmu sebagai penuntun ruhani ummat. Tuhan memilihmu sebagai **warathatul anbiya**; ahli waris para Nabi — utusan Tuhan, meneruskan jihad dan perjuangan, sunnah dan kehidupan RasuluLlah SallaLlahu 'alaihi wa sallam menegakkan kalimah suci di tengah-tengah manusia dunia.

Kedudukanmu yang tinggi, pengaruhnya yang besar, yang berhak memerintah dan melarang, berhak melahirkan 'kata putus'. Tuhan meletakkan sebesar-besar tanggungjawab pada dirimu — kalah atau menangnya ummat Islam dalam pilihanraya umum yang akan datang.

Kamu sebenarnya yang berhak menjawab panggilan ALlah dan RasulNya, golongan yang pertama menyambut segala ajakan Rasul kepada ummat Mu'minin:

> *"Wahai orang yang beriman! Sahutlah panggilan ALlah dan Rasul, apabila Dia memanggil kamu kepada suatu yang menghidupkan kamu. Dan ketahuilah, sesungguhnya ALlah membatas antana manusia dengan hati nya, dan kamu akan dihimpunkan kepadaNya."*
>
> (Surah al-Anfal: Ayat 24)

Kamu sebenarnya golongan yang dapat meresapkan dan merasakan segala pesan serta suruhan, ajaran dan peringatan Tuhan dalam kitabNya, agar dijadikan panduan serta pegangan setiap Mu'minin.

Kamu sebenarnya golongan yang pertama berhak menerima wahyu Ilahi dengan segala rasa mesra, rela dan setia, ta'at dan patuh, ruku' dan sujud, meniarap di bawah Duli Kebesaran Tuhan, Rabbul 'Izzati.

Mari dengarkan dan renungkan firman Ilahi, yang merupakan peringatan mendalam kepada kita ummat Mu'minin:

"...dan Tuhanmu wahai Muhammad, kaya-raya, empunya segala rahrnat (kurnia); jika dikehendakiNya, Dia rnelenyapkan kamu dan rnenggantikan dengan yang lain, sebagai mana Dia telah menjadikan karnu dari keturunan kaum yang lain. Sesungguhnya apa yang dijanji kan kepada karnu (hari qiamat dan balasannya), pasti akan datang, dan kamu tidak akan dapat melepaskan diri (dari balasan itu). Katakanlah wahai Muhammad:

"Wahai kaurnku, buatlah sedaya upaya karnu (untuk menentang Islam), sesungguhnya aku tetap ber'amal (berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertahankan Islam); kemudian kamu akin ketahui siapakah yang akan beroleh kebaikan dan kejayaan di dunia ini. Sesungguhnya orang-orang yang zalirn itu tidak akan berjaya '.

(Surah al-An'am: Ayat 133—135)

Bangun dan berdirilah, tegakkan kepala, bawalah ummat menuju ke muka. Bimbing tangan mereka menuju baldatun tayyibah dengan perantaraan pilihanraya umum.

Berilah peringatan kepada ummat, agar mereka tidak masuk perangkap lawan, memberikati undi kepada golongan yang anti hukum ALlah.

Kaum hartawan juga tidak kurang pentingnya perihal kedudukan mereka dalam pilihanraya umum.

Organisasi Islam menghendaki belanja yang tidak sedikit, sebagai syarat dan alat perlengkapan mutlak guna melancarkan segala rencana dan usaha.

Dan siapa lagi organisasi Islam mengharapkan bantuan dan sokongan, kalau bukan dan kaum hartawan yang dermawan.

Memenangkan dasar Islam dalam pilihanraya akan datang merupakan kewajipan kita bersama, tanggungjawab kita kaum Muslimin. Masing-masing kita dengan alat kecekapan yang ada. Masing-masing orang memberikan derma bakti dengan segenap kesanggupan yang dimilikinya.

Masing-masing Muslim memberikan saham menurut kesanggupan sendiri; melayani perjuangan dengan seluruh kemampuan dan kesanggupan diri kita. Pekerjaan besar yang kita hadapi kini wajib kita angkat bersama-sama, tidak ada yang ketinggalan.

Amanat luhur yang kita terima dan ALlah Subhanahu wa Ta'ala, beban berat yang dipikulkan sejarah kepada kita, harus kita bersama-sama membawanya, agar Risatah yang diwasiatkan oleh Nabi Muhammad SallaLlahu 'alaihi wa sallam, itu dapat kita menangkan di tengah-tengah pertemuan segala manusia ini.

Kaum pemimpin, pemuka dan zu'ama', di tanganmulah sekarang ini ummat menyerahkan segala pimpinan perjuangan. Pada kemahiranmu dalam berfikir dan bertindak, menentukan siasat, taktik dan strategi, pada kecekapanmu dalam mengatur dan menyusun, pada kemampuanmu dalam menggunakan segala tenaga dan

kekuatan, samada jasmani mahupun ruhani — di situlah terletaknya rahsia kemenangan ummat yang besar ini.

Ketahuilah, tenaga ‘massa’ berdiri di belakangmu, kekuatan ummat yang dengan penuh kerelaan menunggu pimpinan dan perintah, adalah faktor yang berkuasa (berperanan), ‘wasilah’ yang menentukan dan merupakan potensi yang masih kukuh utuh.

Di sinilah terletaknya kebenaran ucapan RasuluLlah SallaLlahu ‘alaihi wa sallam, seorang revolusioner sejati empat belas abad yang lalu:

> *“Hanyasanya kamu mendapat kemenangan (dalam perJuangan) dan rezqi-penghidupan, ada dengan ban tuan rakyatJelata di antara kamu”.*

Kemampuan dan kesanggupan kita menyusun tenaga rakyat jelata, kaum ‘du’afa wal masakin’, kemahiran dan kecekapan kita mempergunakan tenaga kekuatan rakyat jelata itu, kebijaksanaan dan kesungguhan si pemimpin memakai tenaga dengan sebaik-baiknya itu, itulah dia kunci rahsia ‘falah’ (kemenangan dan ‘fatah’ (pembukaan); kemenangan dan pembukaan gerbang hidup bahagia raya bagi kita.

Marilah kita menggunakan tenaga-kekuatan rakyat Islam ini dengan sebaik-baiknya, menurut ‘khittah’ dan garis kemungkinan yang dapat dipertanggungjawabkan di hadapan ALlah, untuk kemenangan ummat dan kejayaan agama:

> *“Kalau kamu menolong (Agama) ALlah, nescaya ALlah akan menolong kamu dan meneguhkan pendirian kamu”.*

(Surah Muhammad: Ayat 7)

Kalau kamu semua membela agama ALlah dengan sungguh sungguh, nanti ALlah akan membela kamu pula, dan menetap teguhkan iman serta pendirian kamu. Itulah janji ALlah, Dia tidak sekali-kali memungkiri janjiNya.

FATWA 'ALIM 'ULAMA' MENGENAI PILIHANRAYA UMUM

Muktamar 'Aiim 'Ulama' dan Muballigh Islam se Indonesia yang diiangsungkan tanggal 27 Rejab I Sya'ban 1372 bersamaan dengan 11—l5hb., April 1953 di Medan;

Sesudah memperhatikan Undang-undang Pilihanraya Umum untuk memilih anggota-anggota Parlimen dan Dewan Perwakilan Rakyat (Indonesia) dan sesudah memahamkan:

a) Surah as-Syura ayat 13 yang menyuruh menegakkan Agama Islam (yang berbunyi):

"ALlah telah menerangkan kepada kamu — di antara perkara-perkara agama yang Ia tetapkan hukumnya apa yang telah diperintahkanNya kepada Nabi Nuh, dan yang telah Kami (ALlah) wahikan kepadamu (wahai Muhammad), dan juga yang telah Kami perintah kan kepada Nabi Ibrahim dan Nabi Musa serta Nabi 'Isa, iaitu: "Tegakkanlah agama dan janganlah kamu berpecah belahpadanya..."

(Surah al-Syura: Ayat 13)

b) *"Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengambil orang-orang kafir menjadi 'wali' (pemimpin) dengan meninggalkan orang yang beriman. Adakah kamu hendak mengadakan alasan yang terang-nyata bagi ALlah untuk (menyeksa) kamu".*

(Surah al-Nisa': Ayat 144)

"Wahai orang-orang yang beriman! janganlah kamu mengambil orang-orang Yahudi dan Nasrani sebagai pemimpin; sebahagian inereka menjadi pemimpin sebahagian yang lain; dan sesiapa di antara kamu yang menjadikan mereka sebagai pemimpin (kawan rapat), maka sesungguhnya ia adalah dan golongan mereka itu (Yahudi dan Nasrani). Sesungguhnya ALlah tidak memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim".

(Surah al-Ma'idah: Ayat 51)

"Wahai orang yang beriman! janganlah kamu mengambil musuhKu dan musuhmu sebagai wali (pemimpin) kamu..."

(Surah al-Mumtahanah: Ayat 1)

Nas-nas di bahagian "b" itu antara lain menyimpulkan tentang penentuan batas-batas orang yang boleh diangkat menjadi penguasa (pemimpin).

c) Surah aI-Ma'idah ayat 44,45,47 yang isinya menyuruh menjalankan undang-undang yang sesuai dengan hukum-hukum ALlah:

"Sesiapa yang tidak menjalankan hukum yang diturunkan oleh ALlah, mereka itulah orang-orang yang fasiq".

"Sesiapa yang tidak menjalankan hukum yang diturun kan oleh ALlah, mereka itulah orang-orang yang zalim".

"Sesiapa yang tidak men jalankan hukum yang diturun kan oleh ALlah, mereka itulah orang-orang yang kafir".

d) Surah an-Nissa' ayat 59 yang menyuruh menta'ati ALlah RasulNya dan UliIamri yang beriman:

"Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu ta'at kepada ALlah, dan hendaklah kamu ta'at kepada Rasul, dan pemerintah di kalangan kamu (berirnan)".

e) Surah al-Haj ayat 41* dan surah ali-'Imran ayat 110, yang menyuruh berbuat kebajikan dan melarang kemunkaran:

"laitu orang-orang yang apabila Kami teguhkan kedudukan mereka di muka bumi, mereka mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, rnenyuruh mengerjakan yang ma'ruf dan melarang dan berbuat yang munkar; dan kepada ALlah kembali segala urusan".

* Dalam teks asal dinyatakan Surah aI-Haj ayat 11; ternyata bila diteliti ianya ber canggah dengan penghuraian maksud umum bahagian ini. Kami merasakan ayat yang sebenar adalah ayat 41 kerana beralasankan kepada maksud umum bahagian ini, iaitu: menyuruh berbuat kebajikan dan melarang berbuat kemunkaran. Wallahu 'A'Iam. — Editor.

> *"Karnu adalah sebaik-baik ummat yang dilahirkan untuk manusia, kamu menyuruh mengerjakan yang ma 'ruf dan melarang yang munkar, dan kamu berirnan kepada ALlah".*
>
> (Surah ali-Imran: Ayat 110)

f) Surah al-Ma'idah ayat 35, yang maksudnya menyuruh mencari wasilah kepada ALlah:

"Wahai orang-orang yang berirnan, bertaqwalah kepada ALlah dan carilah jalan yang mendekatkan diri kepada Nya (wasilah), dan berjihadlah pada jalanNya supaya kamu mendapat keuntungan (kemenangan)".

g) Qa'idah Usul yang berbunyi:

"Hukurn wasilah (jalan) itu, juga hukurn tujuannya".

dan:

"Setiap apa yang tidak sempurna kewajipannya melainkan dengan sesuatu itu, maka ianya juga rnenjadi Wa jib".

MEMUTUSKAN:

Memfatwakan kepada seluruh ummat Indonesia sebagai berikut:

1. Tiap-tiap warga negara Indonesia yang beragama Islam, laki-laki dan perempuan, yang mempunyai hak memilih menurut Undang-undang Pemilihan Umum Indonesia yang telah disahkan:

a) WAJIB menjalankan hak-pilihnya dengan jalan mendaf tarkan diri sebagai pemilih dan memberikan suaranya (undinya) kelak pada waktu diadakan pemungutan suara.

b) WAJIB memilih hanya calun-calun yang mempunyai cita-cita terlaksananya ajaran dan hukum Islam dalam negara.

2. Kaum Muslimin, laki-laki dan perempuan yang telah mukallaf (akal-baligh), wajib berusaha dan memberikan segala macam bantuan dan pengorbanan untuk tercapainya kemenangan Islam dalam pemilihan umum yang akan da tang.

Medan, 30 Rejab 1372

(14 April 1953)

KEPUTUSAN MAJLIS SYURA

1. Dengan ‘inayah dan taufiq ALlah Subhanahu wa Ta’ala dan berdasarkan menegakkan “baldatun tayyibatun”, maka Majlis Syura Pusat Masyumi mengeluarkan fatwa sebagai berikut:

a) Mengadakan pemilihan umum untuk membentuk parlimen Konstiuante adalah wajib hukumnya.

b) Kerana kemenangan Islam dan ummatnya tergantung kepada turut serta tiap-tiap seseorang (individu) Muslim laki laki dan wanita dalam perjuangan pemilihan umum, maka adalah: wajib ‘am hukumnya atas tiap-tiap Muslim Mus limat yang mukallaf, dan segala golongan, kalangan dan tingkatan turut serta benjuang dalam pemilihan umum tersebut.

c) Kerana kemenangan itu tergantung kepada pemberian suara (undi) buat memilih pemuka-pemuka (tokoh-tokoh atau wakil-wakil) Islam, maka:

a) Wajib atas tiap-tiap pemilih Muslim hanya memilih calun-calun yang bercita-cita politik Islam.

b) Terlarang hukumnya memilih calun-calun yang tidak, apa lagi yang anti cita-cita Islam.

c) Buat melaksanakan perjuangan pemilihan yang menjamin kemenangan maka wajiblah tiap-tiap Muslim dan Muslimat menyiapkan segala alat kelengkapan yang diperlukan oleh perjuangan itu baik lahir maupun batin.

5. Ummat Islam seluruhnya dianjurkan memperkuatkan persatuan kerjasama dan saling mengerti yang sebaik-baiknya yang menjamin kemenangan Islam.

Jakarta:

10 Jamadilakhir 1372,

24 Februani 1953.

MAJLIS SYURA PUSAT “MASYUMI”

Ketua,

K.H.A. RAHMAN SYIHAB

Sekretaris,

K.H.M. SALEH SAUDI

BERITA A.P.B. No. 941th. ke VIII

'ALIM 'ULAMA' MALAYA DAN SOAL PEMILIHAN UMUMDI INDONESIA. (Ummat Islam Indonesia wajib turut serta giat di dalam pemilihan umum nanti).

Seluruh 'Aiim 'Ulama' Malaya dalam suatu sidangnya yang telah diadakan di Selangor dan dikunjungi oleh para 'Aiim 'Ulama' Malaya dan berbagai tempat di Malaya telah memutuskan bahawa turut sertanya ummat Islam Indonesia dalam pemilihan umum yang diadakan di Indonesia nanti, adalah fardu 'ain hukumnya, dan adalah haram jika ummat Islam Indonesia tidak ikut serta di dalam pemilihan umum nanti.

Lebih jauh diterangkan, bahawa keputusan 'Alim 'Ulama' Malaya tadi, sekarang telah diperkuatkan pula oleh Majlis Syari'iyyah, yang kedudukannya persis Mahkamah Islam Tinggi di Indonesia. Semua Majlis Syar'iyyah di berbagai tempat di Malaya telah memutuskan pula fardu 'ain bagi umat Islam Indonesia untuk turut serta dalam pemilihan umum yang akan datang nanti di Indonesia.

Keputusan tersebut diambil oleh 'Alim 'Ulama' seluruh Malaya kemudian diperkuat oleh Majlis Syar'iyyah di berbagai tempat di Malaya, dengan pertimbangan bahawa jika di dalam pemilihan umum nànti ummat Islam mendapat kekalahan, maka sudah pasti perkembangan agama Islam akan tergencet (tertekan) atau tindakan-tindakan anti agama lebih hebat lagi, kerana umat Islam terang-terang dianggap golongan kecil.

Tetapi sebaliknya jika di dalam pemilihan umum nanti umat Islam Indonesia mendapat kemenangan yang gilang-gemi lang, maka perkembangan Agama Islam akan maju-pesat, dan Segala cita-cita serta keinginan umat Islam sebagai golongan yang besar akan dapat dilaksanakan dalam segala lapangan. Kerana pemilihan umum itu akan menentukan juga terhadap agama Islam di Indonesia, maka ditetapkannya fardu 'ain hukumnya turut serta ummat Islam di Indonesia dalam pemilihan umum yang akan datang nanti.

Jakarta, 22.4.1953.